



20
13

LAPORAN TAHUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG © 2013

DITERBITKAN OLEH

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM & PERANCANGAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan .

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM & PERANCANGAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan

Tel: +603 - 6126 5800

Fax: +603 - 6138 8933

Tollfree : 1800 222 677

www.mps.gov.my






SELAYANGPANDANG

MPS terletak di daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke Negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Daerah Kuala Selangor (MDKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sebelah barat daya.

Keseluruhan kawasan pentadbiran MPS ialah 545 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim iaitu Mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduknya berjumlah 560,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 peratus (285,288 orang), Mukim Rawang 29.5 peratus (199,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 peratus (76,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 peratus kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan




tadahan hujan dan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam dan Tasik Biru Kundang.

Terdapat 9 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri

Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS tanpa menjelaskan kualiti alam sekitar.



Perutusan Yang Dipertua	09
Piagam Pelanggan & Bunga Rasmi MPS	10
Objektif, Misi & Visi MPS	11
Rasional Logo & Keterangan Logo	12
Lagu Rasmi MPS	12
Kawasan Pentadbiran & Jumlah Penduduk	13
Ahli Majlis MPS	14
Maklumat Asas	
Pegangan Harta & Pasar	15
Kemudahan Riadah, Sukan & Komuniti	16
Institusi Pendidikan & Pusat ICT	17

Majlis Daerah Gombak (MDG)

1 JANUARI 1977 Majlis Daerah Gombak (MDG) mula beroperasi dengan keluasan 52 km²



Majlis Perbandaran Selayang

Majlis Perbandaran Selayang telah ditubuhkan pada 1hb Januari 1997 meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu dan sebahagian Mukim Setapak.



MPS 15 TAHUN

Meraikan ulangtahun ke 15 pada 1 Januari 2012



1 JUN 1992 - Mukim Hulu Klang yang merupakan sebahagian kawasan MDG menjadi sebahagian Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2 SEPTEMBER 2004- MPS melangkah ke fasa baru dengan siapnya Menara MPS setinggi 9 tingkat yang bernilai RM24 Juta.

Anugerah Yang Diterima / Pertandingan Yang Disertai	18
Carta Organisasi	19
Ahli Majlis MPS	20
Pengurusan MPS	22
Penyata Pendapatan & Perbelanjaan 2013	24
Sijil Ketua Audit Negara	26
Laporan Jabatan	28
Lokasi Pelancongan	110
Aktiviti Tahunan MPS 2013	118
Keratan Akhbar	126

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpahan rahmatnya, Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Selayang 2013 dapat diterbitkan.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.

Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberikan saya peluang, kepercayaan dan amanah untuk menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua, MPS mulai 3 Januari 2013. Pada tahun 2013 ini, MPS lebih giat dalam usaha memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada pembayar cukai di samping menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan serta menyediakan prasarana kemudahan awam untuk orang ramai.


Berteraskan kepada Pelan Strategik MPS 2011-2015, MPS telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian melalui sistem penyampaian yang baik dan berkesan. Aspek Integriti mula diserapkan dan akan menjadi tunjang dalam setiap tindakan dan kita perlu bertindak pantas serta proaktif dalam menterjemahkan setiap kehendak pelanggan. Berfikiran secara kreatif dan inovatif di samping penerapan nilai-nilai bersama iaitu setia, amanah, proaktif, integriti dan semangat berpasukan digalakkan dalam usaha memupuk budaya berpretasi tinggi dan kecemerlangan.

Pelbagai kejayaan telah kita raih bersama-sama pada tahun 2013. Antara kejayaan manis yang kita bersama rangkul ialah pensijilan semula MS ISO 9001 :2008, kejayaan kumpulan Inovatif dan kreatif (KIK), pelaksanaan MS ISO 27001 : 2007 (ISMS), kewujudan media baru MPS seperti facebook dan twitter, program Amalan Persekuturan Berkualiti (APB) 5S. Kita berjaya mendapat Anugerah Lima Bintang bagi Anugerah Laman Web/Portal. Malah, kita juga telah berjaya mengajurkan dengan jayanya Kejohanan Kundang Jetsports Challenge, Kejohanan Bola Sepak Piala Menteri Besar Selangor, Sambutan Deepavali dan Thaipusam peringkat negeri Selangor, program zon bersih dan berbagai program lagi telah kita anjurkan bersama-sama.

Bagi menghargai jasa warga Majlis, bermula tahun 2013, MPS telah memperkenalkan Anugerah Reward YDP. Anugerah ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu kategori peningkatan imej dan kategori pengurangan kos/ tingkatkan kecekapan. Bagi kategori peningkatan imej, anugerah 1 bintang adalah pencapaian diperingkat MPS, anugerah 2 bintang pencapaian diperingkat PBT, anugerah 3 bintang pula adalah pencapaian yang diraih diperingkat negeri dan anugerah 4 bintang adalah pencapaian yang dimenangi di peringkat kebangsaan/antarabangsa. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua penerima.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Majlis dan para pegawai serta kakitangan MPS atas gerak kerja, usahasama yang cemerlang sepanjang tahun 2013. Bersama-sama kita menuju kearah sebuah perbandaran yang Mampan, Progresif dan Sejahtera.

Sekian, terima kasih.



MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN A.M.N, A.M.S
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang



PIAGAM PELANGGAN

- Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.
- Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.
- Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.
- Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sewaan secara adil.
- Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisyen supaya pembangunan tanah mencapaiimbangan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi.

BUNGA RASMI BUNGA SIANTAN



VISI MPS

Menjadikan Selayang kawasan perbandaran yang mampan, progresif dan sejahtera menjelang 2015.

MISI MPS

Menyediakan perkhidmatan perbandaran bersepadu kepada warga Selayang bagi meningkatkan kualiti hidup melalui sistem penyampaian yang cekap, efektif dan proaktif.

OBJEKTIF MPS

- Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur.
- Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi.
- Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai “Kawasan Taman Dalam Bandar”.
- Menggerakkan perpaduan diantara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
- Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.

RASIONAL LOGO



Secara umumnya, logo MPS melambangkan kemajuan dan kepesatan pembangunan, tanggungjawab sebagai Pengguna Tempatan akan dilaksanakan dengan terbaik selaras dengan Slogannya “Mampan, Progresif, Sejahtera”.

KETERANGAN LOGO MPS



Melambangkan MPS di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.



Melambangkan kejituan dan keteguhan semangat untuk membangunkan MPS selaras dengan wawasan dan matlamat organisasi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.



Melambangkan perkembangan pembangunan perumahan, perindustrian dan pengekalan alam sekitar yang seimbang dan terancang.



Melambangkan MPS sebagai pusat perkembangan penyelidikan dan pembangunan dengan wujudnya Bandar Ilmu.

LAGU RASMI MPS SELAYANGKU SAYANG

Perbandaran Selayang Indah Sejahtera
Penduduknya Berbilang Bangsa
Demi Kesejahteraan Semua
Seiring Wawasan Negara.
Bangunan MPS Tersergam Megah
Pembangunannya Tersusun Indah
Tiada Dilupa Tempat Riadah
Selayangku Semuanya Mudah.

Korus I:
Bertuh Sungguh Bandar Selayang
Penduduknya Yang Penyayang
Bersama MPS Kita Jayakan

Menuju Wawasan Negara.
Mampan Progresif Dan Sejahtera
Seiring Selayangku Sayang
Memangkin Pembangunan Negara
Membentuk Hidup Lebih Selesa.
MPS Menjamin Masa Depan
Dengan Pembangunan Yang Mampan
Majulah MPS Ke Hadapan
Menyahut Seruan Kerajaan.

(Ulang Korus I)

KAWASAN PENTADBIRAN MPS

545.60


km persegi Keluasan kawasan MPS



JUMLAH PENDUDUK

560,630

Jumlah Penduduk Selayang yang direkodkan setakat tahun 2010



Nota: Perangkaan Bancian Penduduk 2010

AHLI MAJLIS MPS

ZON 1

Tuan Husnal Az' Hari bin Sanusi

ZON 2

Tuan Lee Sew Hong

ZON 3

Tuan Hashim b. Othman

ZON 4

Tuan Murugan @ Murugheshu a/l Arumugam

ZON 5

Tuan Yew Jia Haur

ZON 6

Tuan Zailah binti Kamaluddin

ZON 7

Puan Maznah binti Abd. Aziz

ZON 8

Tuan Lim Ching How

ZON 9

Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi

ZON 10

YAD Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan
Mahmood bin Pa' Wan Teh

ZON 11

Puan Hjh. Khatifah Zamani binti Sulong

ZON 12

Tuan Zulkifli bin Hamzah

ZON 13

Tuan Saleh huddin b. Mohd Nasir

ZON 14

Tuan Mohamad Azizul bin Abu Bakar

ZON 15

Tuan N. Gopalan Krishnan a/l Rajoo

ZON 16

Tuan Ng Wei Keong

ZON 17

Tuan Gunarajah a/l R.George

ZON 18

Tuan Cheah Moon Hwa

ZON 19

Tuan Md. Sabri bin Md. Taib

ZON 20**ZON 21**

Tuan Juzarim Isma bin Junaidi

ZON 22


Tuan Ng Kok Chuan

ZON 23

Tuan Chan Pak Keung

ZON 24

Tuan Abdul Majid bin Hasan



MAKLUMAT ASAS


Pegangan Harta dan Pasar

MPS memainkan peranan dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam mampu meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk, sesuai dengan perkembangan pesat yang dialami.

PASAR

Tujuan Majlis menyediakan tapak-tapak pasar ini adalah untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan perniagaan masyarakat setempat.

Majlis turut menyediakan beberapa buah pasar moden iaitu Pasar Moden Taman Sri Gombak, Bandar Country Homes, Pekan Rawang, Batu Arang, Pusat Penjaja Taman Ehsan Kepong dan Pasar Selayang Baru.



MAKLUMAT ASAS

Kemudahan Riadah, Sukan dan Komuniti

4

JENIS
KEMUDAHAN
KESIHATAN

5

JENIS KEMUDAHAN
RIADAH & SUKAN

5

JENIS
KEMUDAHAN
KOMUNITI

Majlis Perbandaran Selayang komited dalam menyediakan kemudahan bagi kegunaan masyarakat setempat. Kemudahan yang disediakan terletak di lokasi strategik yang menjadi tumpuan dan mudah diakses

KEMUDAHAN RIADAH DAN SUKAN

- Padang Permainan Kanak-Kanak 179
- Padang Bola 17
- Taman Bunga Dan Tasik 03
- Kompleks Sukan 02

Stadium Selayang dan Kompleks Sri Siantan merupakan kemudahan sukan moden yang terdapat di kawasan Majlis.



KEMUDAHAN KOMUNITI

- Balai Raya 16
- Dewan Serbaguna 12
- Balai Polis 05
- Balai Bomba 02
- Perpustakaan Awam 01



Kemudahan Komuniti bertujuan memudahkan masyarakat mengadakan pelbagai aktiviti sosial dan memperkasakan semangat muhibah dikalangan masyarakat.

KEMUDAHAN KESIHATAN

- Hospital 02
- Klinik Kesihatan 10

Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh merupakan hospital utama yang memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada penduduk.



MAKLUMAT ASAS


Institusi Pendidikan dan Pusat ICT

INSTITUSI PENDIDIKAN

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi yang terkemuka dan menjadi tumpuan pelajar dari dalam dan luar negara.

PUSAT ICT

Majlis sentiasa mengemaskini sistem teknologi maklumat untuk memenuhi kepuasan pelanggan dalam menerima maklumat dari MPS. Majlis berjaya membangunkan beberapa modul melalui Sistem Integrasi Majlis (SIM). Majlis telah menyediakan kemudahan Pusat ICT untuk penduduknya iaitu Pusat Siber Rakyat yang terletak di Stadium Majlis Perbandaran Selayang.




*Jumlah Bilangan



ANUGERAH YANG DITERIMA / PERTANDINGAN YANG DISERTAI 2013 SUKAN

BIL	ANUGERAH	PENCAPAIAN
1	Sijil Pengiktirafan Amalan Persekutuan Berkualiti APB 5S	Sijil Anugerah
2	Sijil Penyertaan Karnival Jejak Inovasi, Program Hari Bertemu Pelanggan dan kaunter Aduan Bergerak Bersepadu Bersama Biro Pengaduan Awam Peringkat Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013	Sijil Penghargaan
3	Sijil Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web/ Portal Project Managed Portal Services(MPS) Dalam Malaysia Government Portal And Website Assessment (MGPWA) 2013	Sijil Anugerah
4	Sijil Anugerah Cemerlang Pencapaian Penarafan 5 Bintang Dalam Malaysia Government Portals And Websites Assessment 2013	Sijil Anugerah
5	Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2013	Sijil Anugerah
6	Sijil Penghargaan Anugerah Komuniti Bestari (K-STAR) Pangaspuri Negeri Selangor 2013 Oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Sijil Penghargaan
7	Sijil Anugerah Cemerlang Taraf Laman Web 5 Bintang Dalam "Malaysia Goverment Portal And Websites Assessment 2013"	Sijil Anugerah
8	Sijil Pengiktirafan MS ISO 9001:2008 Oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd	Sijil Pengiktirafan
9	Sijil Konvensyen Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2013	Sijil Anugerah
10	Sijil MPC Konvensyen ICC Kebangsaan 2013 Smart Data MPS	Sijil Anugerah
11	Sijil Penghargaan MPC Kumpulan Permata Bersempena Regional Convention In Team Excellence Wilayah Selatan 2013	Sijil Anugerah
12	Sijil Penghargaan Kumpulan Smart Data MPS Sempena Pameran Terbaik Konvensyen Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke 26 Tahun 2013	Sijil Penghargaan
13	Sijil Ketua Audit Negara	Sijil Anugerah

CARTA ORGANISASI SESI 2013



AHLI MAJLIS MPS **SESI 2013**



(Dari kiri ke kanan) Tn. Juzarim Isma bin Junaidi, Tn. Hj. Hashim bin Othman, Tn. Ng Kok Chuan, Tn. Lee Sew Hong, Pn. Khatifah Zamani binti Sulong, Tn. Abdul Majid bin Hasan, Tn. Nanto Gopalan Krishnan A/L Rajoo, Pn. Zailah binti Kamaluddin, Tn. Husnal Az'Hari bin Sanusi, Tn. Lim Ching How, Tn. A Rahim bin Ahmad Kasdi, Tn. Mohd Azizi bin Mohd



Zain (Yang Dipertua MPS), YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Tn. Md. Sabri bin Md. Taib, Pn. Maznah binti Abd Aziz, Tn. Yew Jia Haur, Tn. Gunarajah A/L R. George, Tn. Ng Wei Keong, Tn. Cheah Moon Hwa, Tn. Mohamad Azizul bin Abu Bakar, Tn. Salehuddin bin Mohd Nasir, Tn. Chan Pok Keung dan Pn. Norsham binti Abu Samah.

PENGURUSAN MPS **SESI 2013**



(Dari kiri ke kanan) Tn. Hj. Muhammad Joraimee bin Awang Raimee, Tn. Aminuddin bin Hussein, Pn. Mazurah bt Mohamed, Tn. Hasmawi bin Mat Junit, , Pn. Zulaina bt Abu Talib Tn. Hj. Azam bin Mohamad, Tn. Ir Zolkeflee Bin Abd. Hamid , Tn. Juhari Bin Ahmad, Tn. Affendei bin Samingan, Tn. Mohamad Zin bin Masoad, Tn. Hj. Az'har bin Samsuri, Tn. Mohd Azizi bin Mohd Zain (Yang Dipertua MPS), Tn. Mohammad Zain bin A



Hamid (Timbalan Yang Dipertua MPS), Tn. Abdul Razak bin Ahmad, Pn. Sr. Norshima bt Norzlan, Dr. Razif bin Zainol Abidin, Tn. Mohd Faizal Bin Azaha, Tn. LAr. Mokhtar Affandi bin Abd.Ghani, Tn. Hj. Che Rasid bin Che Seman , Pn. Norhayati bt Ahmad, Tn. Lt. Kol (B) Azmi bin Ismail, Tn. Hafizan bin Khamis.

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
彭年市议会
彭年市议会
PADA 31 DISEMBER 2013**

	NOTA	2013 (RM)	2012 (RM)
ASET			
Aset Semasa			
Wang Dalam Bank dan Di Tangan		19,673,144	14,680,773
Simpanan Telap		62,009,370	42,300,000
Pelbagai Penghutang	4	1,258,804	1,118,485
Penghutang	5	29,929,457	31,389,449
Pinjaman Keditanan	6	48,878	68,824
Jumlah Aset Semasa		133,110,461	89,407,501
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Persatuan	7	62,580,790	68,872,893
Pembinaan Dalam Komajuan	8	1,522,318	312,000
Jumlah Aset Bukan Semasa		64,093,108	68,984,893
Jumlah Aset		197,199,569	158,392,394
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pembiutang		19,125,695	12,788,041
Pelbagai Pembiutang	9	2,895,163	3,865,537
Wang Cagaran	10	73,698,486	54,183,433
Bayaran Audit		40,000	37,000
Jumlah Liabiliti Semasa		95,650,344	70,864,011
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman Jangka Panjang	11	15,302,413	17,652,502
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		15,302,413	17,652,502
Jumlah Liabiliti		111,152,757	88,516,513
Aset Bersih		86,036,812	67,876,881
EKUITI:			
Geran Bantuan Khas	12	28,371,278	31,810,405
Kumpulan Wang Majlis	13	33,497,374	29,318,200
Kumpulan Wang Amanah	14	23,178,160	8,747,186
Jumlah Ekuiti		85,006,812	67,876,881

MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

MOHAMAD ZAIN BIN HAMID
Setiausaha
Majlis Perbandaran Selayang

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
彭年財政報告書
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER 2013**

	NOTA	2013 (RM)	2012 (RM)
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	15	93,269,449	90,024,955
Hasil Bukan Cukai	15	35,858,430	31,420,775
Pelbagai Terimaan	15	21,142,000	18,325,989
JUMLAH PENDAPATAN		160,269,879	139,771,719
PERBELANJAAN			
Emolumen	15	38,851,651	35,082,949
Perkhidmatan dan Bekalan	15	82,079,790	82,398,837
Pemberian dan Kenaan Tetap	15	1,873,182	1,078,888
Perbelanjaan Lain	15	14,003,277	12,430,383
Perbelanjaan Pembangunan	15	1,292,895	313,545
JUMLAH PERBELANJAAN		146,100,795	131,304,582
LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH		4,169,084	8,467,137

MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

MOHAMAD ZAIN BIN HAMID
Setiausaha
Majlis Perbandaran Selayang



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persempahanan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1978 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Junuaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan junuaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko

tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.


Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.


(ANG NITHAR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM

11 OGOS 2014







Jabatan
**Perhubungan Awam
& Perancangan
Korporat**

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM DAN PERANCANGAN KORPORAT

Jabatan Perhubungan Awam dan Perancangan Korporat MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu Perhubungan Awam dan Penerbitan, Inovasi dan Aduan.

Jabatan Korporat diketuai oleh En Mohamad Zin Masoad sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu 25 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

Bahagian Perhubungan Awam Dan Penerbitan

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat ke arah pembangunan yang terbaik.
- Menyelaras segala Majlis dan program rasmi MPS.
- Mengendali segala urusan penerbitan.

Bahagian Inovasi

- Menyelaras dan memantau pembangunan program-program inovasi di Majlis Perbandaran Selayang.
- Menyelaras usaha-usaha mempertingkatkan kemahiran, kreativiti, inovasi dan semangat berpasukan dikalangan warga MPS.
- Membantu mempertingkatkan Sistem Penyampaian agar sentiasa berkualiti dan aktiviti-aktiviti utama dilaksanakan mengikut prosedur.
- Mengendalikan segala urusan penyertaan dan pelawaan bagi mana-mana program dan hal ehwal berkaitan kualiti dan inovasi.

Bahagian Pengaduan Awam

- Menyelaras dan memantau semua aduan yang diterima.
- Mengendalikan Program Mesra Rakyat, Turun padang dan Majlis Dialog Bersama Penduduk

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan setiap aduan yang diterima mendapat maklum balas dalam masa 14 hari bekerja.
- Membuat hebahan acara rasmi 7 hari sebelum majlis berlangsung.
- Memastikan pengurusan program-program inovasi dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 program sebulan.

▼ AKTIVITI 2013

PERKHIDMATAN ADUAN

Sebanyak 12,631 aduan telah diterima pada tahun 2013. Setakat Disember 2013, sebanyak 12,498 aduan selesai dan 133 jumlah aduan dalam tindakan. Peratus penyelesaian adalah sebanyak 98.95%.

ADUAN MENGIKUT SALURAN

Bagi memastikan kecekapan sistem pengurusan aduan, MPS menyediakan pelbagai saluran media seperti panggilan telefon, surat, e-mel dan faks selain dari datang sendiri ke Majlis. Aduan melalui panggilan telefon adalah paling tinggi iaitu 62.8 peratus.

SENARAI PROGRAM DAN MAJLIS RASMI MPS 2013

BIL	PROGRAM	TARIKH
1	Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Ydp MPS Tuan Mohd Azizi Bin Mohd Zain	4-Jan-13
2	Operasi Tapak Pelupusan Sampah Haram	10-Jan-13
3	Bengkel Hala Tuju Penswastaan MPS	12-Jan-13
4	Majlis Perasmian Projek Jalan Baiduri, Taman Perwira	13-Jan-13
5	Program Gotong Royong Perdana Taman Rimba Bukit Lagong	19-Jan-13
6	Sambutan Perayaan Thaipusam 2013	27-Jan-13
7	Sambutan Maulidul Rasul Peringkat MPS	29-Jan-13
8	Pelaksanaan Audit Dalam Apb 5S 2013	13-Feb-13
9	Majlis Forum Air Untuk Rakyat	28-Feb-13
10	Bengkel Audit Dalam Ms Iso	1-Mar-13
11	Lawatan Kerja Tsuk Negeri Selangor (Pembangunan), Ybhg. Dato' Haji Mohamad Roslan Bin Sakiman Ke MPS	15-Mar-13
12	Kempen Kemaskini Lesen Premis Perniagaan Anda	18-Mar-13
13	Majlis Pemantapan & Penambahbaikan Zon Bersih MPS	20-Mar-13
14	Kursus APB 5S	21-Mar-13
15	Kejohanan Bolasepak Piala Menteri Besar Kali Ke 3	23-Mar-13
16	Majlis Perbarisan Penguatkuasa MPS	28-Mar-13
17	Pelancaran Zon Bersih 2013	13-Apr-13
18	Program Kayuhan Belia Ehsan Selangor (Bes) Jelajah Selangorku	13-Apr-13
19	Kursus Penggunaan Bahasa Melayu Bagi Komukasi Berkesan	30-Apr-13
20	Bengkel Key Performance Indicator (Kpi) MPS	8-May-13
23	Ops Pilihanraya - Operasi Penurunan Bahan Kempen Parti Politik Sempena Pilihanraya Ke-13	21-May-13
24	Lawatan Penanda Arasan 5S Ke Tan Chong Motors Assemblies (M) Sdn Bhd Di Sungai Choh Rawang	23-May-13
25	Sesi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pbt (Spb-Pbt) Semenanjung Msia	23-May-13
26	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS 2012	3-Jun-13
27	Majlis Perasmian Tamn Rimba Bukit Lagong	3-Jun-13
28	Program Go Green Di Fasa 10, Bandar Country Home Rawang	16-Jun-13
29	Majlis Makan Malam Bersama Mantan Ahli Majlis MPS	21-Jun-13
30	Lawatan Ydp Ke Tapak Bazaar Ramadhan Bandar Baru Selayang	10-Jul-13
31	Lawatan Kerja Yb Dato' Teng Chang Kim, Exco Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor Ke MPS	22-Jul-13
32	Majlis Berbuka Puasa Peringkat MPS	24-Jul-13
33	Sesi Audit Pengurusan Aduan Bagi PBT Oleh Biro Pengaduan Awam (Bpa) Jpm	21-Aug-13
34	Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis Baru	23-Aug-13
35	Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor	26-Aug-13

36	Majlis Pelancaran Buku Senarai Kesalahan Kompaun Dan Buku Kod Etika MPS	26-Aug-13
37	Sesi Kunjung Hormat Deligasi Boasan Municipal, China Ke MPS	27-Aug-13
38	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013 Peringkat MPS	4-Sep-13
41	Sesi Dialog Manifesto Pakatan Rakyat 2013	10-Sep-13
42	Program Karnival Komuniti Zon Bersih 2013	16-Sep-13
43	Program Jom Kitar Semula Sempena Majlis Pelancaran Pusat Kitar Semula Zon Bersih 2013	28-Sep-13
45	Majlis Ibadah Qurban Peringkat MPS 10/11/2013	11-Oct-13
46	Pertandingan Antara Zon App 5S MPS 2013	23-Oct-13
47	Kursus Warden Trafik Pbt Siri 1/2013	28-Oct-13
48	Lab Kajian Semula Pelan Strategik (2011 - 2015) MPS	6-Nov-13
49	Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Wabak Denggi Dan Gotong Royong Zon Bersih	10-Nov-13
50	Lawatan Inspektorat Keselamatan Perlindungan Oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (Kpkk) Ke MPS	15-Nov-13
51	Majlis Sambutan Sinaran Deepavali Peringkat MPS	15-Nov-13
52	Majlis Sambutan Hari Inovasi MPS 2013	22-Nov-13
53	Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa (Unit Khas) MPS	27-Nov-13
54	Bengkel Dokumentasi Iso 9001:2008 MPS	28-Nov-13
55	Program Ceramah Agama Bersama Imam Muda Hafiz	20-Dec-13
56	Program Selamatkan Air Terjun Kita Anjuran Pertubuhan Pencinta Air Terjun Selangor Dan MPS	21-Dec-13
57	Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MPS Zon 20	26-Dec-13
58	Kejohanan Boling MPS Bersama Media 2013	28-Dec-13
60	Program Gotong-Royong Di Kampung Sg.bakau, Rawang	
61	Majlis Pelancaran Local Agenda 21 MPS 2014	

HARI BERTEMU PELANGGAN

Dalam usaha menjadi organisasi yang memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat, Majlis telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi memantapkan lagi pengurusan dan memberi perkhidmatan yang cemerlang dan telus kepada masyarakat.

Hari Bertemu Pelanggan diadakan bagi mengenalpasti isu dan masalah penduduk dan mengambil tindakan segera. Manakala aktiviti turun padang yang dilaksanakan bertujuan memantau pembangunan yang dijalankan tidak menghadapi masalah. Sesi dialog yang diadakan bermatlamat merapatkan hubungan Majlis dan pertubuhan

NGO dalam menyelesaikan masalah dan isu seperti masalah setinggan.

PROGRAM MESRA RAKYAT

Majlis Perbandaran Selayang sentiasa giat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terutama dari segi memenuhi kehendak pelanggan. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai aktiviti sedang dirancang dan telah dibuat seperti mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada setiap Jumaat minggu pertama dan lawatan turun padang pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan.

Bagi Program Hari Bertemu Pelanggan, semua pengarah yang diketuai oleh Tuan Yang

Dipertua akan duduk dan mendengar masalah orang awam dan berbincang bagaimana untuk menyelesaikan masalah mereka. Kaunter akan mula dibuka dari jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari. Bagi tahun 2013, MPS telah mengadakan sebanyak 12 kali Hari Bertemu Pelanggan dan menerima 12631 aduan.

Aktiviti turun padang juga turut diadakan bagi membolehkan Tuan Yang Dipertua melihat sendiri aduan-aduan yang memerlukan tindakan segera.







JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS bertanggungjawab di dalam beberapa aktiviti yang harus dikendalikan seperti merancang penyelenggara dan mengurus harta majlis perbandaran selayang, mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan, dan mengurus, memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS. Jabatan ini diketuai oleh Puan Norshima binti Norzlan dan dibantu oleh 150 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

- Membuat penilaian ke atas pegangan dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang sama ada penilaian semasa dan penilaian semula.
- Memproses tuntutan caruman bantuan kadar baru pegangan-pegangan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.
- Memproses tuntutan elaun kekosongan bagi pegangan yang tidak dapat didiami atau disewakan.
- Mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan.
- Merancang, menyelenggara dan mengurus harta Majlis Perbandaran Selayang.
- Menyediakan laporan penilaian bagi harta-harta Majlis Perbandaran Selayang untuk tujuan sewaan, insurans dan gadaian.
- Mengurus, memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan Majlis Perbandaran Selayang.

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Permohonan pindahmilik yang dikemukakan bersama dokumen lengkap dan mematuhi syarat di kaunter Jabatan Penilaian akan diproses dalam masa 20 minit.

- Permohonan pindaan maklumat yang dikemukakan bersama dokumen lengkap di kaunter Jabatan Penilaian akan diproses dalam masa 15 minit.
- Permohonan carian rasmi yang dikemukakan bersama dokumen lengkap dan mematuhi syarat di kaunter Jabatan Penilaian akan diproses dalam masa 20 minit.
- Surat tawaran sewaan premis dikeluaran dalam tempoh 14 hari selepas temuduga.
- Sebarang aduan kerosakan kecil di dalam bangunan Majlis Perbandaran Selayang akan diambil tindakan dalam tempoh 3 hari.

▼ AKTIVITI 2013

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Senarai Premis-premis Sewaan MPS

BIL.	JADUAL	JUMLAH
1.	Gerai	2,225
2.	Pasar	5
3.	Bengkel	4
4.	Kiosk	12
5.	Rumah Kedai	1
6.	Rumah Sewa	14

PASAR

- Pasar Moden Rawang.
- Pasar Moden Taman Sri Gombak
- Pasar Moden Bandar Country Homes
- Pasar Harian Taman Ehsan
- Pasar Harian Batu Arang
- Medan Selera
- Seri Selera MPS Taman Sri Gombak
- Seri Selera MPS Pinggiran Batu Caves
- Seri Selera MPS Taman Ehsan
- Medan Selera Pasar Moden MPS Bandar Country Homes
- Medan Selera MPS Bandar Baru Selayang
- Seri Selera MPS Selayang Baru
- Seri Selera MPS Taman Tun Teja, Rawang

UNIT KEMUDAHAN AWAM

Unit Kemudahan Awam terletak dibawah bahagian Pengurusan Harta Jabatan penilaian dan Pengurusan Harta. Unit ini menguruskan kemudahan-kemudahan MPS yang disewa atau dikenakan bayaran bagi setiap penggunaan. Kemudahan-kemudahan yang diuruskan adalah seperti berikut:

- Stadium
- Dewan-dewan
- Kompleks Sukan Sri Siantan (Kolam Renang dan Asrama Penginapan)
- Gymnasium
- Peralatan Kanopi dan Kerusi Meja
- Padang Bolasepak Awam
- Taman Rimba Bukit Lagong

Stadium

• Dibina pada tahun 1999, mempunyai kapasiti sebanyak 11,000 tempat duduk, stadium ini digunakan sebagai salah satu venue bagi Liga Malaysia. Stadium ini juga telah dijadikan tempat perlawanan pasukan antarabangsa kerana permukaan padang yang diselenggara dengan baik.

Dewan-dewan

• Unit ini menguruskan sewaan dewan-dewan bagi pelbagai tujuan seperti majlis perkahwinan, jualan gudang, sukan badminton dan lain-lain aktiviti. Terdapat 14 buah dewan pelbagai saiz dan lokasi disediakan bagi kemudahan warga Selayang.

Kompleks Sukan Sri Siantan

- Kompleks Sukan Sri Siantan siap dibina pada 1 Januari 2004. Terletak di Selayang Baru, Jalan Sungai Tua, Batu Caves. Kompleks ini mempunyai 2 buah kolam renang iaitu Kolam Renang Dewasa bersaiz Olimpik dan sebuah Kolam Renang Kanak-kanak. Kompleks ini juga mempunyai 1 bangunan yang diberi nama ‘Teratak Singgah’ yang mana terdiri daripada 4 buah bilik seminar dan 12 buah bilik penginapan untuk disewakan kepada orang awam. Selain itu juga, kompleks ini juga terdiri daripada sebuah dewan yang disewakan untuk tujuan seperti majlis perkahwinan, jualan gudang dan majlis keraian lain.

Gymnasium

- Terletak di tingkat satu stadium berhampiran dengan pejabat Unit Kemudahan Awam, gymnasium ini beroperasi mulai jam 2 petang hingga 11 malam setiap hari Isnin hingga Jumaat dan ditutup pada Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Padang Bolasepak Awam

- Terdapat 33 padang bolasepak awam yang diuruskan oleh unit ini. Kedudukan padang juga dipelbagaikan lokasi terutamanya di kawasan perumahan. Oleh yang demikian, bagi penggunaan secara rasmi atau khusus, pihak yang berminat digalakkan membuat permohonan secara rasmi ke Unit Kemudahan Awam.

Taman Rimba Bukit Lagong

- Taman ini dikenali sebagai Kem Belia Bukit lagong dan telah diserahkan urus tadbirnya oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negari Selangor (SUK) pada 2 Oktober 2012. MPS melalui Jabatan Taman dan Rekreasi dan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah merangka pelan menaiktaraf Taman Rimba ini bagi kegunaan umum. Pada masa kini, Taman Rimba ini mula menerima tempahan bagi perkhemahan dan telah digunakan pertama kalinya oleh pihak MPS untuk mengadakan aktiviti hari keluarga.

- Taman Rimba ini mempunyai kemudahan dewan dan padang serbaguna, tapak perkhemahan beserta tandas dan bilik mandi, dewan makan dan MPS dari semasa ke semasa sedang memberbaiki dan menaiktaraf kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan pengguna akan datang.

JUMLAH PEGANGAN YANG DIKENAKAN CUKAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

MUKIM	JUMLAH
Mukim Batu	95817
Mukim Rawang	78266
Mukim Setapak	11179
Kawasan MPS	249

JENIS	JUMLAH
Kediaman	166094
Perniagaan	13722
Perindustrian	5695

Keseluruhan : 185511





Jabatan
Perbendaharaan

JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab di dalam semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan cukai pintu di dalam kawasan pentadbiran MPS. Jabatan ini diketuai oleh En. Azhar bin Samsuri sebagai Pengarah Bahagian Perbendaaraan dan dibantu oleh 68 orang kakitangan dibawahnya.

✓ FUNGSI

- Mewujudkan Sistem Perakaunan Majlis Perbandaran selayang Dengan Berasaskan Kepada Prinsip-Prinsip Perakaunan, Standard Perakaunan Antarabangsa, Arahan Perbendaharaan, Kehendak-Kehendak Audit Dan Polisi Majlis.
- Memberi Kepuasan Kepada Pelanggan Serta Mewujudkan Kemudahan Dan Pembayaran Yang Terbaik.
- Memastikan Kutipan Cukai Taksiran Semasa Mencapai 90% Dan Tunggakan Cukai Taksiran Mencapai 70% Pada Akhir Tahun.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Pembayaran bil di kaunter bayaran diselesaikan dengan kadar menunggu tidak lebih daripada 5 minit.
- Memastikan bil-bil cukai taksiran dikeluarkan dan dihantar kepada pemilik tidak lewat daripada minggu pertama bulan Januari bagi bil separuh tahun pertama dan tidak lewat daripada minggu pertama bulan Julai bagi separuh tahun kedua.
- Memastikan segala tuntutan pembayaran yang lengkap diterima oleh jabatan diproses untuk pembayaran dalam tempoh 7 hari.

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN

TAHUN	PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	(Defisit) / Surplus
2010	128,005,701	127,405,173	600,528
2011	133,306,095	125,304,365	8,001,730
2012	139,771,719	131,304,582	8,467,137
2013	150,269,879	146,100,795	4,169,084

(2010-2013 = Penyata Kewangan yang telah di audit)


RINGKASAN BAJET TAHUN 2013 (HASIL)

HASIL	TAHUN 2013 RM
HASIL CUKAI	93,143,608
HASIL BUKAN CUKAI	41,658,952
TERIMAAN BUKAN HASIL	
a. PULANGAN BALIK PERBELANJAAN	-
b. GERAN KESEIMBANGAN PERSEKUTUAN	
PERSEKUTUAN	5,000,000
NEGERI	10
c. GERAN PENYELENGGARAAN JALAN	3,000,000
d. CARUMAN MEMBANTU KADAR	1,855,231
e. GERAN PEMBANGUNAN	10
f. LAIN-LAIN TERIMAAN	2,964,000
JUMLAH HASIL	147,621,811

**RINGKASAN BAJET TAHUN 2013
(PERBELANJAAN)**

PERBELANJAAN	TAHUN 2013 RM
EMOLUMEN	43,612,348
PERKHIDMATAN & BEKALAN	81,557,678
PENYELENGGARAAN JALAN	3,900,000
ASET	5,028,500
PEMBERIAN & KENAAN TETAP	7,032,385
PEMBELANJAAN LAIN	4,250,900
PERBELANJAAN MENGURUS	145,381,811
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	2,240,000
JUMLAH PERBELANJAAN	147,621,811
SUPLUS/ (DEFISIT)	-





Jabatan
**Khidmat
Pengurusan**

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan Khidmat Pengurusan MPS bertanggungjawab mengendalikan beberapa aktiviti utama iaitu menguruskan segala aspek perkhidmatan, penempatan, elaun, gaji dan segala kemudahan dalam perkhidmatan dan urusan kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangan, merancang dan mengendalikan urusan pengambilan dan penempatan pegawai dan kakitangan, merancang dan mengendalikan kursus/ latihan dalam perkhidmatan, kursus wajib dan peperiksaan jabatan, mengurus hal ehwal tatatertib, pengisytiharan harta dan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT), merancang dan menganjur keperluan perjawatan, struktur organisasi perjawatan dan mengemaskini skim perkhidmatan. Jabatan Khidmat Pengurusan diketuai oleh Pn. Zulaina Binti Abu Talib sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu 65 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

- Mengurus segala aspek perkhidmatan, penempatan, elaun, gaji dan segala kemudahan dalam perkhidmatan dan urusan kemajuan kerjaya pegawai dan kakitangan.
- Merancang dan mengendalikan urusan pengambilan dan penempatan pegawai dan kakitangan.
- Merancang dan mengendalikan kursus/ latihan dalam perkhidmatan, kursus wajib dan peperiksaan perkhidmatan jabatan.
- Mengurus hal ehwal, pengisytirahan harta dan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT).
- Merancang dan menganjur keperluan perjawatan, struktur organisasi perjawatan dan pengemaskinian skim perkhidmatan.
- Melaksanakan tugas sebagai urus setia kepada Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Mersyuarat Pihak Berkuasa Melantik (PBM), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat Teras Pengurusan dan ICT dan lain-lain mesyuarat yang berkaitan.

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

- Menguruskan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang dari segi perkhidmatan pembekalan seperti :-
 1. Perabot.
 2. Alatulis.
 3. Bahan-bahan percetakan.
 4. Barang-barang kelengkapan pejabat.
- Menguruskan kenderaan-kenderaan Majlis berkaitan :-
 1. Cukai jalan/puspakom
 2. Pergerakan kenderaan
 3. Kad Touch N Go
 4. Kad Inden(Kad Minyak)
 5. Cuci Kenderaan
- Menguruskan insuran perubatan kakitangan seperti :-
 1. Tuntutan bayaran klinik luar kakitangan.
 2. Tuntutan bantuan sara ubat kakitangan (IJN, LPPKN & Dialisis)
 3. Urusan panjar wang runcit
 4. Mengemaskini sistem panel doktor kakitangan
- Menguruskan aset-aset alih Majlis seperti :-
 1. Perabot.

- 2. Alat Kelengkapan Pejabat.
- Menguruskan semua permohonan pembelian.
- Menguruskan stor utama MPS yang mengandungi
 - 1. Alatalis
 - 2. Percetakan

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Menguruskan perlantikan kakitangan ke atas kekosongan jawatan secara hakiki dalam tempoh 3 bulan dari kekosongan.
- Memastikan perakuan keputusan temuduga di bawa ke Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Memproses dokumen pengesahan dalam jawatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas semua syarat dipenuhi.
- Memastikan semua pegawai dan kakitangan mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun.
- Memproses permohonan pembelian dan pesanan tempatan (L/O) dalam tempoh 7 hari daripada tarikh diterima.

▼ AKTIVITI 2013

BILANGAN PEKERJA MENGIKUT GRED JAWATAN

GRED	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Gred A	50	4	54
Gred B	88	19	107
Gred C	271	230	501
Gred D	292	63	355
JUMLAH	701	316	1017

JUMLAH LANTIKAN PEKERJA MENGIKUT GRED JAWATAN

GRED	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Gred A	1	-	1
Gred B	-	8	8
Gred C	1	43	44
Gred D	-	12	12
JUMLAH	2	63	65







Jabatan **Kesihatan**

JABATAN KESIHATAN

Jabatan Kesihatan MPS bertanggungjawab mengendalikan 8 aktiviti utama iaitu melaksanakan tugas-tugas kawalan serta pencegahan vector dan lain-lain penyakit berjangkit yang berkaitan, kerja-kerja kawalan dan pemantauan sanitasi premis perniagaan dan perindustrian serta premis awam, kerja-kerja kawalan haiwan, kacau ganggu dan penguatkuasaan lesen pemilikan anjing, menyelaras aktiviti kawalan alam sekitar dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen-kempen kesedaran awam, memberi rawatan biasa dan kecemasan kepada kakitangan MPS serta melaksanakan khidmat suntikan imunisasi typhoid (ty2) untuk pengendali makanan, bertanggungjawab di dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan kakitangan MPS, bertanggungjawab ke atas hal ehwal pentadbiran Jabatan Kesihatan dan bertanggungjawab melaksanakan program-program pendidikan kesihatan kepada keseluruhan warga MPS. Jabatan Kesihatan diketuai oleh Dr. Razif Bin Zainol Abidin sebagai Pengarah Jabatan Kesihatan dengan dibantu 100 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

- Melaksanakan tugas-tugas kawalan serta pencegahan vector dan lain-lain penyakit berjangkit yang berkaitan.
- Kerja-kerja kawalan dan pemantauan sanitasi premis perniagaan dan perindustrian serta premis awam
- Kerja-kerja kawalan haiwan kacau ganggu dan penguatkuasaan Lesen Pemilikan Anjing.
- Menyelaras aktiviti kawalan alam sekitar dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen-kempen kesedaran awam.
- Memberi rawatan biasa dan kecemasan kepada kakitangan MPS serta melaksanakan khidmat suntikan imunisasi Thyphoid (Ty2) untuk pengendali makanan.

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengawasan dan penguatkuasaan terhadap sekurang-kurangnya 250 premis makanan sebulan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang.
- Memastikan sijil suntikan kepada pengendali premis berisiko tinggi

dikeluarkan / diluluskan dalam 1 hari bekerja.

- Mengambil tindakan terhadap aduan-aduan berkaitan Kesihatan Awam dalam tempoh 48 jam.
- Mengeluarkan notis rumah terbiar dalam tempoh 5 hari bekerja daripada tarikh aduan diterima.

▼ AKTIVITI 2013


KAWALAN VEKTOR DAN KES PENYAKIT DEMAM DENGGI

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.1	Bil Kes Yang Dilaporkan	2519
1.2 Tindakan Kawalan Yang Diambil		
i.	Premis disembur menggunakan ULV & thermal	834169
ii.	Jumlah premis yang diperiksa	85322
iii.	Jumlah premis positif pembiakan	1091
iv.	Jumlah bekas positif pembiakan	1331

AKTIVITI KAWALAN HAIWAN LIAR

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Tangkapan Anjing	1712
2	Premis yang diperiksa untuk Pengukuasaan Lesen Anjing	2 472
3	Permohonan Lesen Anjing	1872
4	Kompaun Anjing yang dikeluarkan	51
5	Pelupusan anjing yang telah dilaksanakan	24
6	Operasi Tangkapan Haiwan Lain: i. Lembu ii. Kambing iii. Ayam iv. Kucing v. Burung	11 ekor 376 ekor
7	Operasi Kawalan Tikus : i.Perangkap / Glue ii.Racun	24000 24000







Jabatan **Kejuruteraan**

JABATAN KEJURUTERAAN

Jabatan Kejuruteraan MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu kawalan pembangunan, penyelenggaran infrastruktur, dan mekanikal dan elektrikal. Jabatan Bangunan diketuai oleh I.r. Zolkeflee Bin Abd. Hamid sebagai Pengarah Jabatan Kejuruteraan dengan dibantu 89 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

- Memproses permohonan pembangunan bagi tujuan kerja tanah, jalan dan perparitan serta lampu jalan selaras dengan perancangan majlis.
- Membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap kepada syarat pembangunan dan sokongan Sijil Kelayakan Menduduki (SKM) / Borang G17 (CCC).
- Membuat pemeriksaan kawasan-kawasan pembangunan untuk serahan infrastruktur bagi tujuan penyelenggaraan majlis.
- Membuat inventori dan memantau cerun-cerun di dalam rezab majlis.
- Bertanggungjawab untuk menyediakan, menyelenggara dan memastikan infrastruktur di dalam kawasan majlis.
- Memproses permohonan permit-permit utiliti, penutupan jalan dan longkang rezab jalan majlis.
- Menguruskan pembelian serta penyelenggaraan kendaraan penumpang dan bukan penumpang majlis.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Memproses dan mengeluarkan ulasan permohonan Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Lampu Jalan dan Lampu Isyarat mengikut senarai semak dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan di Jabatan Kejuruteraan

1. Permohonan Kerja Tanah
 2. Permohonan Jalan Perparitan
 3. Permohonan Lampu Jalan
- Memberi maklumbalas aduan-aduan daripada orang ramai dalam tempoh 5 hari bekerja.
 - Memberi maklumbalas dan sokongan CFO/CCC kepada Jabatan Bangunan / OSC dalam tempoh 7 hari.
 - Menyediakan sokongan pengesahan untuk pembayaran inden dalam tempoh 7 hari bekerja.

✓ AKTIVITI 2013

Majlis bertanggungjawab memastikan infrastruktur dan kemudahan awam yang disediakan akan diselenggara serta memberi keselesaan kepada penduduknya. Pemantauan dan pemeriksaan dilaksanakan secara telus agar setiap aduan kerosakan terhadap kemudahan dan infrastruktur diambil tindakan.

BIL.	PERKARA	KEROSAKAN
1.	Jalan	940
2.	Longkang	483
3.	Papan Tanda	51
4.	Lampu Jalan	1057
5.	Bonggol	102
		JUMLAH
		2633

PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR

Majlis berjaya menyelesaikan 95.13% daripada keseluruhan aduan dan selebihnya diselesaikan pada tahun 2014. Tugas pembaikan setiap kerosakan dibuat berdasarkan keutamaan dan secara berterusan.







Jabatan **Pelesenan**

HOTIS TUTUP PRET

JABATAN PELESENAN

Jabatan Perlesenan Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti mengurus permohonan lesen premis/ penjaja dan permit sementara, mengurus pembaharuan lesen dan penguatkuasaan undang-undang kecil perlesenan. Jabatan ini dipimpin oleh Encik Affendei Bin Samingan sebagai pengarah jabatan dan dibantu seramai 45 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

- Mengurus permohonan lesen premis/ penjaja dan permit sementara.
- Menyelaras mengurus pembaharuan lesen.
- Memastikan Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Pelesenan diambil tindakan.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Meluluskan permohonan lesen visual billboard, unipole dan lain-lain jenis papan tanda (outdoor) dalam tempoh 14 hari.
- Meluluskan permohonan lesen tred perniagaan tidak berisiko di dalam bangunan terancang dalam tempoh 5 minit.
- Memproses permohonan permit sementara banting dan banner di hadapan premis dalam tempoh 3 hari bekerja.
- Maklumbalas aduan berkaitan, dengan syarat aduan lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja.



PERMOHONAN DAN KELULUSAN LESEN

Pengeluaran lesen yang diberikan kepada peniaga bagi kelulusan lesen untuk premis perniagaan terdiri daripada premis perniagaan sesebuah, teres dan kompleks perniagaan. Bagi tujuan meningkatkan aktiviti ekonomi golongan peniaga kecil, Majlis telah mengeluarkan lesen-lesen penjaja, gerai pasar dan lesen peniaga pasar malam, pasar pagi dan pasar tani.

BIL.	LESEN	PERMOHONAN	KELULUSAN
1.	Premis Perniagaan	1217	1319
2.	Gerai	287	303
3.	Penjaja	17	19
4.	Pasar Malam/Pagi/Tani	75	124
5.	Karaoke dan Pub	7	7
6.	Lain-lain Hiburan	66	72







Jabatan
**Perkhidmatan Bandar
& Alam Sekitar**

JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR & ALAM SEKITAR

Jabatan Perkhidmatan Bandar & Alam Sekitar MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu perkhidmatan pemungutan dan pelupusan sampah, pemotongan rumput, pembersihan longkang dan sapu jalan. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam diketuai oleh Encik Mohd Faizal Bin Azaha sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu 50 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

- Mengurus dan mengawal selia kerja-kerja perkhidmatan bandar seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, sisa binaan, pembersihan longkang, penyapuan jalan dan pemotongan rumput.
- Memproses dan memberi ulasan pelan bangunan bagi kebuk sampah, surat sokongan dan sijil layak menduduki.
- Perkhidmatan Bandaran.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Menyediakan Laporan Prestasi Kontraktor dalam tempoh 3 hari bekerja pada setiap akhir bulan.
- Proses bayaran dalam masa 7 hari dari tarikh tuntutan diterima.
- Mengambil alih kerja perkhidmatan bandar dari pemaju selepas 1 tahun CF dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan.
- Mengambil tindakan aduan dalam tempoh 12 jam dari aduan diterima kecuali sampah pukal.
- Memberi maklumbalas (surat-menyerat) tindakan aduan dalam masa 7 hari bekerja kepada orang awam dan jabatan-jabatan berkaitan.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Menyediakan Laporan Prestasi Kontraktor dalam tempoh 3 hari bekerja pada setiap akhir bulan.
- Proses bayaran dalam masa 7 hari dari tarikh tuntutan diterima.
- Mengambil alih kerja perkhidmatan bandar dari pemaju selepas 1 tahun CF dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan.
- Mengambil tindakan aduan dalam tempoh 12 jam dari aduan diterima kecuali sampah pukal.
- Memberi maklumbalas (surat-menyerat) tindakan aduan dalam masa 7 hari bekerja kepada orang awam dan jabatan-jabatan berkaitan.

✓ AKTIVITI 2013

PROGRAM PENGURUSAN PERSEKITARAN

Majlis komited memastikan penjagaan dan pengurusan alam sekitarnya berada pada tahap yang baik. Aspek keindahan dan kebersihan menjadi tumpuan utama selaras dengan konsep ‘Selayangku Sayang’.

PROGRAM KITAR SEMULA MPS

Selaras dengan kempen kitar semula yang disarankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, MPS telah menyediakan rumah kitar semula seperti di ibu pejabat MPS, Taman Tun Teja, Gombak Setia dan juga di Taman Samudera. Bagi menyahut seruan kerajaan agar mengitar semula sampah, MPS telah mengambil inisiatif menjalankan Program Kitar Semula dengan moto '*Tukarkan Sampah Anda Kepada Wang Ringgit*'.

BIL.	PERKARA	JAN-DIS 2012
1.	Bilangan aduan sampah diterima	339
2.	Bilangan tindakan ke atas aduan sampah	339
3.	Aduan tempat pembuangan sampah haram/sampah pukal	53
4.	Jumlah tindakan pembersihan tempat pembuangan sampah haram/sampah pukal.	53
5.	Program gotong royong	96
6.	Aduan pembersihan longkang	769
7.	Aduan pemotong rumput Aduan sapuan jalan	157 139
8.	Kampaun dikeluarkan Notis dikeluarkan	69 6
9.	Bilangan NTC Kutipan Sampah Bilangan NTB Kutipan Sampah	361 5
10.	Bilangan NTC Pembersihan Awam Bilangan NTC Pembersihan Awam	569 3
11.	Laporan Prestasi Kontraktor Kutipan Gred A Gred B Gred C Gred D	218 112 3 1
12.	Laporan Prestasi Kontraktor Pembersihan Gred A Gred B Gred C Gred D Gred E	29 380 24 6 1
13.	Kutipan Sisa Pepejal	96,404.45 tan





Jabatan
Belia dan Sukan

JABATAN BELIA DAN SUKAN

Jabatan Belia dan Sukan MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu pembangunan kebudayaan, pembangunan sukan, pembangunan belia dan kemasyarakatan. Jabatan Belia dan Sukan diketuai oleh Puan Mazurah Binti Mohamed sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu 14 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

- Penyediaan sokongan permohonan kelulusan tuntutan bayaran bagi penyertaan MPS dalam aktiviti sukan dan kebudayaan.
- Aktiviti penganjuran program-program belia dan kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan peringkat MPS.
- Aktiviti menyelaras dan bertanggungjawab selaku jawatankuasa pelaksanaan induk sukan daerah (MSD) dalam membantu persiapan Majlis Selangor bagi kejohanan sukan Selangor dan SUKMA.
- Permohonan kelulusan tuntutan bayaran bagi aktiviti / program penggereak belia tempatan (PeBT) peringkat Zon MPS.
- Penyediaan sokongan permohonan kelulusan tuntutan bayaran bagi aktiviti / program kemasyarakatan dan khidmat sosial.
- Penyediaan sokongan permohonan kelulusan tuntutan bayaran bagi aktiviti / program kemasyarakatan Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Memproses permohonan tuntutan peruntukan program kemasyarakatan, dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh kelulusan mesyuarat.

✓ AKTIVITI 2013

KEJOHANAN LIGA BOLASEPAK PIALA Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Kejohanan Liga Bolasepak Piala Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor 2012/2013 peringkat MPS ini merupakan kesinambungan kejohanan yang telah diadakan sejak dari tahun 2008. Ia telah diadakan pada 3 November 2012 hingga 23 Mac 2013 yang bertempat di SK Rawang, Padang Awam Kg. Setia, Kuang dan Stadium Selayang. Pasukan bolasepak MPS telah berjaya dinobatkan selaku juara kejohanan dan menggondol hadiah utama berupa Piala Pusingan beserta wang tunai RM 10,000.00. Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh Y.B Tuan Amirudin Bin Shari Pembantu EXCO Belia Dan Sukan Merangkap ADUN Batu Caves.

PROGRAM KAYUHAN BES JELAJAH SELANGORKU 2013 SEMPENA MAJLIS PELANCARAN ZON BERSIH PERINGKAT MPS

Pada 13 April bertempat di Laman Beringin, Selayang Jaya telah diadakan Program Kayuhan BES (Belia Ehsan Selangor) Jelajah Selangorku 2013 sempena Majlis Pelancaran Zon Bersih Peringkat MPS dengan kerjasama Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Program Kayuhan BES ini merupakan siri pertama yang diadakan di setiap 12 kawasan di bawah kelolaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Negeri Selangor bagi menggantikan Program Kejohanan Gen-S Jelajah Futsal Negeri Selangor yang telah diadakan setiap tahun sebelum ini. Seramai 198 orang

telah menyertai program ini dimana ianya berjaya melibatkan penyertaan dari semua peringkat umur dan jantina. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, Pengurus Jawatankuasa Tetap Adat Resam Melayu, Belia Dan Sukan Negeri Selangor.

PERTANDINGAN GAMELAN MELAYU KEBANGSAAN 2013 DI UNIVERSITI TERENGGANU MALAYSIA (UMT)

Bertempat di Universiti Terengganu Malaysia pada 19 hingga 21 April 2013, telah diadakan pertandingan Gamelan Melayu Kebangsaan yang telah dianjurkan oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu bersempena dengan Tahun Melawat Terengganu 2013. Seramai 13 buah kumpulan gamelan telah menyertai pertandingan ini.

Pertandingan Gamelan Melayu Peringkat Kebangsaan 2013 ini dibahagikan kepada dua (2) segmen utama iaitu Segmen Gamelan Melayu Tradisional dan Segmen Gamelan Melayu Kreatif. Kumpulan GEMA GANGSA daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dinobatkan sebagai juara Pertandingan Gamelan Melayu Peringkat Kebangsaan 2013.

KEJOHANAN 5TH KUNDANG INVITATIONAL JETSPORTS CHALLENGE 2013

MPS dengan kerjasama Tourism Selangor serta Persatuan Jet-Ski dan Sukan Air Selangor (PJSAS) telah menganjurkan Kejohanan 5th Kundang Invitational Jet Sports Challenge 2013. Kejohanan ini telah diadakan di Tasik Biru Kundang, Rawang pada 31hb. Ogos – 1hb. Sept 2013.

Program Kejohanan 5th Kundang Invitational Jetsports Challenge 2013 ini disertai hampir 20 buah pasukan dari negara Serantau Asia seperti Brunei, Jepun, Indonesia, Thailand telah menyertai kejohanan ini termasuklah beberapa pasukan yang mewakili negeri dan kebangsaan seperti Meganrata (Malaysia), Wira Jetsports, Centre Jet (Kuala Lumpur). PJSAS, AST (Selangor), Fish Bone, Majlung Team, X-One, Team 9 (Perak), Team Jetski (Terengganu), Labuan Team, Miri Team

(Sarawak) dan EME Engineering (Selayang).

Para peserta ditawarkan hadiah pada kejohanan kali ini berjumlah RM 22,900.00 beserta trofi, hamper dan sijil penyertaan. Para pengunjung yang hadir juga menerima hadiah sampingan. Hampir 5000 orang pengunjung yang hadir sepanjang 3 hari program berlangsung. Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid Bin Ibrahim Menteri Besar Selangor.


PERTANDINGAN MEMANCING GP SELANGOR 2013 PERINGKAT MPS

Pada 15 Sept. 2013, MPS telah mengadakan program tahunan 2012 iaitu Pertandingan Memancing GP Selangor 2013 Peringkat MPS. Pertandingan tersebut diadakan di

Tasik Kota Puteri, Ijok. Hadiah yang ditawarkan kepada para peserta adalah berjumlah RM 69,500.00 bagi kategori terbuka manakala RM 600.00 ditawarkan kepada pemenang kategori wanita.

Yuran penyertaan kepada peserta adalah RM 90.00 untuk sebatang joran manakala kikitangan MPS adalah RM 70.00 sahaja. 500 helai t-shirt telah disediakan oleh pengajur kepada peserta yang mendaftar awal. Majlis Perasmian Penutup & Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Abdul Majid Bin Hasan, Ahli Majlis Zon 24..







Jabatan **Perancang Bandar**

JABATAN PERANCANG BANDAR

Jabatan Perancang Bandar MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti permohonan kebenaran merancang (pelan pembangunan), permohonan kebenaran merancang (pendirian bangunan), permohonan perakuan pelan pra hitungan, permohonan ulasan teknikal tanah, mengurus program penempatan semula setinggan, pelaksanaan program Agenda 21 Selayang dan pelaksanaan program Bandar Selamat. Jabatan ini dipimpin oleh Puan Noriza Binti Bahari sebagai pengarah jabatan dan dibantu seramai 35 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

- Membantu dalam memastikan setiap permohonan Kebenaran merancang dan mematuhi Akta 172.
- Memproses nama taman, bangunan, jalan dan alamat.
- Mengkaji dan melaporkan cadangan pelan pertapakan , kebenaran merancang serta tukar syarat tanah.
- Membuat lawatan tapak bagi ulasan teknikal jabatan berkaitan.
- Mengemaskinikan maklumat dan data-data GIS di kawasan majlis.
- Pemantauan projek ke atas syarikat pemaju yang terlibat dengan pembinaan Rumah Kos Rendah (RKR).
- Mengeluarkan notis salahguna bangunan dan pemajuan tanpa izin.
- Membuat bincian ke atas kilang haram dan membuat penguatkuasa jika tidak mematuhi peraturan.
- Urusetia pelaksanaan program Bandar selamat Local Agenda 21 dan Murni Net.
- Urusetia program penyelesaian setinggan.
- Merancang program penswastaan dan pembangunan semula dan kawasan MPS.

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Memproses permohonan Kebenaran Merancang untuk dibawa ke Mesyuarat OSC dalam tempoh 30 hari.
- Memproses permohonan perakuan pelan pra-hitungan dalam tempoh 14 hari tarikh penerimaan sehingga surat perakuan dikeluarkan.
- Memberi ulasan teknikal bagi premis lesen perniagaan ke Jabatan Pelesenian dalam tempoh 2 minggu dengan syarat permohonan dikemukakan adalah lengkap dan teratur.
- Memproses ulasan teknikal tanah dalam tempoh 2 minggu.

✓ AKTIVITI 2013

Majlis komited menyediakan sistem perbandaran berkualiti tinggi. Perkhidmatan Perancangan Bandar bertujuan memantapkan dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang disediakan. Majlis berhasrat menjadikan Perbandaran Selayang sebagai pusat perdagangan, perindustrian dan kediaman yang selesa dan mampan hasil pembangunan secara bersepudu dan terancang.

SENARAI PERMOHONAN DITERIMA JABATAN PERANCANG BANDAR BAGI TAHUN 2013

BIL.	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
1.	Penerimaan Permohonan Kebenaran Merancang	175
2.	Kelulusan Kebenaran Merancang	156
3.	Pelan Pra-Hitungan	21
4.	Teknikal Tanah	360
5.	Permohonan Billboard	60







Jabatan **Perundangan**

JABATAN PERUNDANGAN

Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan aktiviti menguruskan hal-hal perundangan undang-undang Majlis termasuk hal-hal pendakwaan dan sivil, meneliti dan mengawasi kes yang melibatkan apa-apa tuntutan terhadap pihak Majlis dan pihak Majlis pada mana-mana pihak, memberi nasihat perundangan, menggubal undang-undang Majlis, meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pegawai mengenai hal-hal undang-undang, dan menentukan dan melaksanakan langkah awalan serta mendarahkan pendakwaan. Jabatan ini dipimpin oleh Encik Abdul Razak Bin Ahmad sebagai pengarah jabatan dan dibantu seramai 26 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

PENGGUBALAN

- Menggubal dan meminda undang-undang kecil serta mewartakan setelah diluluskan.

PENDAKWAAN

- Merangka kertas-kertas pertuduhan dan menjalankan pendakwaan mahakamah iaitu sebutan dan perbicaraan.

LATIHAN

- Menjalankan semua latihan Perundungan kepada Pegawai-pegawai, Penguatkuasaan dan kakitangan Majlis.

GUAMAN SIVIL

- Bertanggungjawab terhadap semua urusan kes sivil dan berurusan dengan panel peguam dan serta member arahan tentang semua tindakan yang perlu diambil oleh panel peguam.

KONTRAK

- Mendraf, menyediakan dan menyemak dokumen-dokumen kontrak Majlis.

CEKAI TAKSIRAN

- Mengambil tindakan guaman ke atas tunggakan cukai taksiran.
- Merancang program penswastaan dan pembangunan semula dan kawasan MPS.

▼ PIAGAM PELANGGAN


- Proses rayuan di Kaunter Berpusat (Auto Rayuan) disediakan dalam tempoh masa 1 minit.
- Menyelesaikan urusan pembayaran / rayuan kompaun / saman dalam tempoh 5 minit seorang.
- Menyemak kompaun / saman :
 - Yang dibuat melalui telefon atau datang sendiri dalam tempoh 5 minit.
 - Bagi semakan secara bertulis, tempoh penyelesaian 7 hari (perlukan maklumbalas antara jabatan).
- Menjawab rayuan kompaun / saman dalam tempoh 7 hari (kompoun teknikal).

▼ AKTIVITI 2013

Perkhidmatan ini bertanggungjawab memberi khidmat nasihat perundangan kepada Majlis. Perkhidmatan ini juga mengawal dan menyelia segala aktiviti pembangunan kawasan pentadbiran Majlis untuk mewujudkan suasana yang selesa kepada warga Majlis.

BIL	TAHUN 2013	KUANTITI
1	Notis Pemberitahuan kesalahan dan kompaun	141,854
2	Kompaun dibayar	RM 1,809,410.00
3	Kompaun tidak dibayar	RM 17,253,402.00
4	Kompaun batal	RM 499,930

PERKARA	SASARAN	KUANTITI
Tawaran Mengkompaun	50,000 Notis	38,501 <ul style="list-style-type: none"> • E-KOMP 2,463 • SPUK 17,115 • SPLK 18,923)
Pendakwaan	900 kes	740 Kes
Pendaftaran Kaveat Untuk Kes-kes Tuggakan Cukai	Kompaun	89
Tindakan Menuntut Tuggakan Cukai Melalui Panel Peguam	100 Akaun	77 Akaun
Semakan Undang-Undang	6UUUK	7 Pindaan / Gubalan







Bahagian

Teknologi Maklumat

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu mengurus dan menyelaras terhadap keperluan perkakasan ICT, sistem aplikasi, sistem rangkaian komputer dan keselamatan pangkalan data majlis. Jabatan Teknologi Maklumat diketuai oleh Encik Hasmawi Bin Mat Junit sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu 20 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

APLIKASI SOKONGAN

- Menguruskan penambahsuaikan system aplikasi sedia ada.
- Pembangunan Sistem Aplikasi Web secara Out-Source.
- Menerima dan menyelesaikan Aduan Aplikasi Web.

PUSAT DATA

- Menguruskan server-server Majlis.
- Mengawal selia server-server Majlis.
- Melaksanakan Masalah Rangkaian.
- Pemantauan dan penyelenggaraan CCTV
- Menguruskan permohonan dan penutupan emel.

PENTADBIRAN DAN TEKNIKAL

1. Pentadbiran

- Memantau dan menyelaras cuti dan kehadiran kakitangan.
- Menyelaras simpanan rekod dan fail-fail jabatan.
- Menyelaras perkara berkaitan mesyuarat-mesyuarat di Jabatan.
- Mengurus surat keluar dan masuk Jabatan.

- Menerima dan merekod aduan-aduan aplikasi dan perkakasan.

2. Pengurusan Aset

- Menguruskan perolehan keperluan ICT.
- Menerima, merekod, mengemaskini rekod Stok dan Bekalan.
- Menyedia maklumat pelupusan.

3. Teknikal

- Menerima dan menyelesaikan aduan perkakasan dan perisian computer.
- Menguruskan permohonan peminjaman peralatan ICT.
- Menyelenggara perkakasan secara berkala.

4. Laman Web dan Latihan

- Menyelenggara kandungan Laman Web Majlis.
- Menguruskan Latihan ICT.

APLIKASI SIM

- Membangunkan sistem aplikasi baru.
- Perubahan dan penambahbaikan system aplikasi sedia ada.
- Menerima dan menyelesaikan Aduan Aplikasi SIM.
- Penyelenggara Aplikasi SIM.

▼ PIAGAM PELANGGAN


- Memastikan aduan perkakasan dan perisian yang diterima diambil tindakan dalam tempoh 1 hari bekerja.
- Memastikan aduan Sistem Intergrasi Majlis (SIM) di ambil tindakan dalam tempoh 1 hari bekerja.
- Memastikan aduan sistem aplikasi sokongan di ambil tindakan dalam tempoh 1 hari bekerja.

▼ AKTIVITI 2013


PENARAFAN 5 BINTANG PORTAL MPS DIDALAM MALAYSIA GOVERNMENT PORTAL AND WEBSITES ASSESSMENT

Anugerah Penilaian portal dan Laman Web Kerajaan 2013 dilaksanakan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dengan Kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancang Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Bagi tahun 2013, MPS telah berjaya mendapat pengiktirafan Portal 5 Bintang bagi penilaian ini.



The screenshot shows the official website of Majlis Perbandaran Selayang. The header includes the logo of the Majlis Perbandaran Selayang, the text "PORTAL RASMI Majlis Perbandaran Selayang", the website address "www.mps.gov.my", and the Malaysian coat of arms. The main banner features a large image of the Majlis Perbandaran Selayang building and the text "Majlis Perbandaran Selayang". Below the banner, there are several menu links: "PENGUMUMAN & BERITA", "Tender & Sebutangga", "BERITA", "Keperluan Belanjanya (2014)", "Layanan", "PERNIAGAAN", "PELAJAT", and "Catatan...". At the bottom left, there is a map of Selayang showing various locations like Gading Sari, Setia Indah, Taman Jelutong, Taman Gombak Permai, and Batu Caves. A small note at the bottom right states "Silakan klik [link] untuk melihat Tender & Sebutangga terbaru." and "Silakan klik [link] untuk melihat Berita terbaru.".





JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSG)
DAN
JABATAN PESURUHJAYA
BANGUNAN (COB)

Unit
Pusat Setempat

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Unit Pusat Setempat (OSC) MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu menyeragamkan prosedur dan proses permohonan, memendekkan norma masa dan memudahkan cara proses permohonan dan menyelaras dan mempercepat proses kelulusan permohonan pembangunan tanah yang meliputi permohonan kebenaran perancang, pelan bangunan dan pelan-pelan lain. Unit Pusat Setempat (OSC) diketuai oleh Tuan, Hj. Che Rasid Bin Che Seman dan dibantu 12 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

- Menerima, menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permohonan-permohonan lain yang diterima melalui Unit Pusat Setempat.
- Mengurusetia mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Majlis Perbandaran Selayang dalam tempoh 2 kali sebulan
- Memaklumkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Unit Pusat Setempat Majlis Perbandaran Selayang bagi permohonan cadangan pemajuan kepada pemohon

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Memproses permohonan Kebenaran Merancang untuk dibawa ke Mesyuarat OSC dalam tempoh 30 hari.
- Memproses permohonan perakuan pelan pra-hitungan dalam tempoh 14 hari tarikh penerimaan sehingga surat perakuan dikeluarkan.
- Memberi ulasan teknikal bagi premis lesen perniagaan ke Jabatan Pelesenan dalam tempoh 2 minggu dengan syarat permohonan dikemukakan adalah lengkap dan teratur.
- Memproses ulasan teknikal tanah dalam tempoh 2 minggu

✓ AKTIVITI 2013

STATUS PERMOHONAN UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) MPS JANUARI HINGGA DISEMBER 2013

Pada tahun 2013 Jabatan Pusat Setempat (OSC) telah berjaya mengadakan dan mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) sebanyak 23 kali. Jabatan Pusat Setempat (OSC) telah menerima sebanyak 695 permohonan yang merangkumi Permohonan Serentak 23 permohonan dan Pelan Bangunan 212 permohonan.

Daripada bilangan tersebut sebanyak 146 permohonan telah diluluskan, 380 permohonan mendapat keputusan lulus bersyarat, 62 permohonan tangguh/ batal/ ubahsuai/ tolak/ rekod dan 107 permohonan masih dalam proses.

Sehingga 31 Disember 2013 Portal OSC MPS telah berjaya mencapai peratusan sebanyak 91.08%. Ini adalah selaras dengan sasaran yang ditetapkan oleh pihak SUK Negeri Selangor dan Kementerian Tempatan iaitu sebanyak 90% permohonan selesai didalam tempoh piagam yang ditetapkan.

CADANGAN INOVASI DAN PENAMBAHBAIK UNIT PUSAT SETEMPAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. Membangunkan Sistem Pelan OSC, MPS daripada Sistem DBMS

Jabatan Pusat Setempat (OSC) MPS telah mengambil langkah bekerjasama dengan pihak Bahagian Teknologi Maklumat

untuk meningkatkan penggunaan Sistem DBMS daripada yang bersifat stand alone kepada sistem oracle. peningkatan taraf Sistem DBMS kepada Sistem Pelan MPS telah meningkatkan capaian maklumat permohonan yang diterima di kaunter Pusat Setempat boleh terus di masukkan ke dalam Sistem pelan oleh pegawai yang bertugas di kaunter OSC.

2. Menyediakan Agenda Mesyuarat MJKOSC

Pada pertengahan tahun 2013 pihak OSC telah menyediakan agenda mesyuarat yang mengandungi permohonan-permohonan yang telah mencapai tempoh matang untuk di bincangkan di Mesyuarat Pre Teknikal dan seterusnya ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC). Agenda Mesyuarat ini diedarkan kepada semua ahli jawatankuasa pada sehari selepas Mesyuarat Pre Teknikal dan Mesyuarat OSC dijalankan. Ini adalah bagi memberi peluang kepada semua jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran untuk bersedia gengan penyediaan kertas mesyuarat serta ulasan teknikal bagi setiap permohonan yang diangkat ke mesyuarat. Selain itu juga, pengeluaran agenda secara terperinci ini juga adalah salah satu elemen pemantauan terhadap permohonan-permohonan yang perlu di angkat ke mesyuarat.

3. Pemantauan Permohonan Serentak

Pihak OSC telah memasukkan permohonan serentak di dalam Agenda Mesyuarat. ini adalah bagi memastikan permohonan serentak dapat di pantau dengan memastikan Jabatan Teknikal Dalaman yang terlibat akan mengangkat kertas permohonan yang telah matang tempohnya.

4. Pemantauan Permohonan Lewat

Sebelum ini pemantauan terhadap permohonan lewat dibuat 2 kali sebulan dengan pengeluaran memo beserta dengan senarai permohonan lewat/permohonan yang telah cukup tempoh di hantar kepada semua

Jabatan teknikal Dalaman. Walau bagaimanapun keberkesanan terhadap kaedah tersebut di dapat kurang berkesan. Oleh demikian bermula tahun 2014 Jabatan Pusat Setempat akan mengadakan pemantauan permohonan lewat melalui Mesyuarat Pre Teknikal OSC di man senarai permohonan lewat akan dibincangkan di dalam agenda mesyuarat tersebut.

5. Permohonan Pengesahan Lampu Jalan, Lanskap dan Bangunan Sementara

Pemantauan terhadap permohonan seperti lampu jalan, lanskap dan bangunan sementara di buat melalui memo pemantauan permohonan lewat yang dikeluarkan oleh OSC 2 kali sebulan. Namun begitu Jabatan mendapat permohonan yang terlibat seringkali di angkat untuk pengesahan MJKOSC melebihi tempoh piagam yang ditetapkan. Oleh yang demikian pada tahun 2014 semua permohonan lampu jalan, lanskap dan bangunan sementara yang terlibat di dalam permohonan serentak, perlu di angkat ke MJKOSC melalui pembentangan Kertas Mesyuarat. Manakala bagi permohonan yang tidak menglibatkan permohonan serentak, pemantauan di buat melalui pengeluaran senarai permohonan lewat dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Pre Teknikal.



6. Pemakluman Ulasan G17 oleh Jabatan Kejuruteraan

Selaras dengan pembentangan penerimaan Borang F, CCC oleh Jabatan Pusat Setempat bagi memaklumkan kepada Jabatan Teknikal di MKOSC, pihak jabatan Kejuruteraan juga mengambil pendekatan yang sama dengan membuat pembentangan surat sokongan G17 yang di mohon serta yang telah di keluarkan. ini bagi memudahkan Jabatan yang berkaitan memantau dan makluman berkenaan status permohonan sokongan G17 tersebut.

RUMUSAN

Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Cadangan Pemajuan yang

di lakukan oleh Jabatan Pusat Setempat (OSC) MPS dari semasa ke semasa ternyata membahukan hasil apabila Portal OSC, KPKT MPS telah berjaya mencatatkan pencapaian 91.08% permohonan yang diselesaikan dalam tempoh piagam.

Kerjasama dan penerimaanya yang baik daripada Jabatan Teknikal Dalaman dan Jabatan Teknikal Luaran telah banyak membantu Jabatan mencapai kejayaan ini. Adalah di harapkan bagi tahun 2014, pencapaian portal ini akan dapat di pertingkatkan dan hasrat untuk meningkatkan mutu sistem penyampaian yang baik kepada masyarakat dapat di pertingkatkan.





Bahagian **Audit Dalam**

BAHAGIAN AUDIT DALAM

Bahagian Audit Dalam, MPS bertanggungjawab mengendalikan beberapa aktiviti utama iaitu pengauditan di setiap Jabatan dan penambahbaikkan fungsi di semua Jabatan. Bahagian Audit Dalam diketuai oleh Puan Norhayati Binti Ahmad sebagai ketua bahagian dengan dibantu 8 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

MENJALANKAN PENGAUDITAN

- Pengauditan Pengurusan
- Pengauditan Prestasi
- Audit Kewangan

URUSETIA MESYUARAT

- Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan
- *Exit Conference*
- Menyediakan Minit Mesyuarat

URUSAN PENTADBIRAN JABATAN

- Merangka Program Audit Tahunan
- Membuka dan Mendaftar Fail Baru
- Menyediakan Surat Menyurat
- Mendaftar dan Merekod Surat Menyurat
- Mengemaskini Sistem Kedatangan Kakitangan (SKEMS)

▼ PIAGAM PELANGGAN

Penyediaan Laporan Audit

- Menjalankan pengauditan bermula daripada Initial Conference sehingga Exit Conference dalam tempoh 45 hari.

Pembentangan Laporan Audit

- Membentangkan laporan audit di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat (JKAPK) mengikut suku tahun, iaitu sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun.
- Membentangkan laporan audit di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Audit (JPKA) mengikut suku tahun, iaitu sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun.
- Membentangkan laporan audit di dalam Mesyuarat Penuh mengikut suku tahun, iaitu sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun.

Pengedaran Minit Mesyuarat

- Mengedarkan minit mesyuarat tidak lewat dari 7 hari selepas mesyuarat bersidang.

▼ AKTIVITI 2013

Jabatan Audit Dalam sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Majlis memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Laporan Audit yang dihasilkan adalah berdasarkan semakan dan pemerhatian fizikal serta soal-jawab bersama auditi dalam memberi pendapat dan syor yang bebas terhadap pelaksanaan program dan aktiviti serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang digunakan.

LAPORAN TAHUNAN BAHAGIAN AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2013

BIL.	PERKARA	KUANTITI SASARAN	PENCAPAIAN	%	IMPAK
1.	Pengauditan Pengurusan	5 laporan	5 laporan	100%	Pengurusan mempunyai struktur kuasa, sistem dan prosedur bagi mencapai matlamat pengurusan yang berkesan.
2.	Pengauditan Kewangan	3 laporan	3 laporan	100%	Mempertingkatkan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalam jabatan.
3.	Pengauditan Prestasi	6 laporan	6 laporan	100%	Penilaian terhadap aktiviti Majlis untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemah, cekap dan berkesan.
4.	Pengauditan Khas	2 laporan	2 laporan	100%	Aspek prestasi pengurusan kewangan majlis dinilai bagi memastikan pematuhan prosedur dan undang-undang yang ditetapkan.
5.	Pemeriksaan Mengejut (AP 308 & 309)	2 laporan	2 laporan	100%	Segala Prosedur kutipan mematuhi pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan serta diakaunkan dan disimpan dengan selamat.







Jabatan
**Penguatkuasa &
Keselamatan**

JABATAN

PENGUATKUSA DAN

KESELAMATAN

Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS bertanggungjawab menjalankan 3 aktiviti utama iaitu menjalankan tindakan penguatkuasaan, menyelesaikan aduan awam, menjaga harta benda majlis dan membantu agensi-agensi penyelamat untuk kerja-kerja AD-HOCK seperti kebakaran, banjir tanah runtuh dan lain-lain lagi. Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dipimpin oleh En.Azmi bin Ismail sebagai pengarah jabatan dengan dibantu oleh 170 orang kalitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

- Penguatkuasaan dan operasi
- Kawalan keselamatan
- Pengurusan Aduan (pelbagai saluran)
- Menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan menggunakan Undang-Undang Kecil, Akta dan Enakmen yang telah diwartakan.
- Menyelesaikan aduan-aduan awam yang berkaitan dengan kadar segera.
- Memastikan orang awam yang berurusan dengan Majlis mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Membantu agensi-agensi penyelamat untuk tugas-tugas ad-hock yang berhubung kait dengan kecemasan seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lain.

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Mengambil tindakan terhadap aduan awam yang telah diterima oleh jabatan secara bersurat, telefon atau datang sendiri dalam masa 5 hari bekerja.
- Bantuan kecemasan Unit Taskforce / PANTAS diselesaikan dalam tempoh 24 jam aduan diterima.

- Membantu tugas keselamatan dan pertanyaan awam di kaunter bayaran hasil MPS tanpa sebarang insiden keselamatan.

▼ AKTIVITI 2013

NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN (NPK)

- 11,297 NPK (Pelbagai Kesalahan).

NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN (UNIT PARKIR)

- 132,366 NPK

OPERASI BERSEPADU

• Operasi Bersepadu	40 kali
• Operasi Halangan	80 kali
• Operasi Iklan	50 kali
• Operasi Pusat Siber	40 kali
• Operasi Pusat Hiburan	10 kali
• Operasi Pusat Kecantikan / Rumah Urut	17 kali
• Operasi Pasar Juadah	10 kali
• Operasi Sampah Haram	10 kali
• Operasi Pasar Borong	15 kali
• Operasi Anti - Litter	04 kali

LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

- Tugas Pengiring Menteri Besar Selangor.
- Kawalan di Majlis Dialog Bersama Penduduk.

- Kawalan Perayaan Thaipusam.
- Lawatan Turun Padang Bersama EXCO, Ahli Majlis, JKP, YDP, Jabatan Dalaman MPS.

LAIN-LAIN TUGASAN YANG DIARAHKAN PEGAWAI ATASAN DARI SEMASA KE SEMASA

- Tugasan Kawalan & Pemantauan
- Kawalan lalulintas & Trafik
- Kawalan Sampah Tanpa Izin
- Kawalan Pasar Borong Selayang
- Bantuan Anggota Untuk Aktiviti Kemasyarakatan
 1. Bantuan Kawalan Aktiviti Sekolah
 2. Bantuah Tugasan Ahli Majlis, JKP, Jabatan Dalaman MPS
 3. Bantuan Agensi Kerajaan - Polis, Rela, AADK, SPRM, Imegresen
 4. Kawalan Bola Sepak di Stadium MPS
 5. Kawalan Perayaan Thaipusam, Tahun BaruCina, Hari Raya.
- Program Gotong Royong
 1. Jabatan Penguatkuasa
 2. Ahli Majlis, Exco, JKP
 3. Dalaman MPS - Program Gotong-Royong Zon Bersih
- Perbarisan & Kawad / Sukan Penguatkuasa
- Latihan Menembak Jabatan Penguatkuasa







Jabatan Taman dan Rekreasi

JABATAN TAMAN DAN REKREASI

Jabatan Taman dan Rekreasi MPS bertanggungjawab mengendalikan 5 aktiviti utama iaitu memproses permohonan pelan landskap dan CF,CCC, mengawal pembangunan landskap, mengawal dan menguruselia kerja-kerja penyelenggaraan landskap, mengurus dan menyelesaikan aduan-aduan awam dan mengurus tadbir produk dan kawasan-kawasan perlancongan. Jabatan Taman dan Rekreasi diketuai oleh Tuan LAr. Mokhtar Affandi Bin Abd Ghani sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu 71 orang kakitangan dibawah beliau.

✓ FUNGSI

PENGURUSAN DAN KAWALAN KELULUSAN LANDSKAP

- Memproses permohonan kelulusan Pelan Landskap, permohonan Sokongan CF, CCC dan pengambilalihan kawasan landskap.
- Mengawal pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pemaju selaras dengan dasar dan garis panduan Jabatan Landskap Negara, Garis Panduan Landskap Majlis Perbandaran Selayang dan lain-lain yang berkaitan.

PERANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN TAMAN AWAM (PUBLIC PARK, LAMAN SUKAN)

- Bertanggungjawab membuat perancangan projek pembangunan taman awam (Public Park), Laman Sukan

✓ PIAGAM PELANGGAN

- Memproses kelulusan pelan landskap dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Memastikan aduan-aduan yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh 5 hari bekerja.
- Memastikan semua tuntutan bayaran yang lengkap diproses dalam tempoh 7 hari bekerja.

✓ AKTIVITI 2013

Jabatan Taman dan Rekreasi telah melaksanakan Kempen Tanam Pokok yang telah disarankan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebanyak 70,388 pokok melebihi jumlah yang ditetapkan sebanyak 60,000 dan pecahannya adalah seperti berikut :-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pokok Utama	5,988
2	Pokok Bunga Raya	10,751
3	Pokok Bunga Rasmi (Siantan) dan pokok lain-lain.	53,649

Jumlah pelbagai pokok yang ditebang, cantas dan pangkas adalah sebanyak 2,886 telah dilaksanakan bersama kontraktor yang dilantik dan secara "in-house".

Jabatan juga telah berjaya menyelesaikan dan mengambiltindakan terhadap aduan-aduan awam yang di sepanjang tahun 2013 berjumlah 1,174 aduan.

Jabatan telah membina dan membangunkan Padang Cergas di dua lokasi iaitu di Taman Pelangi Fasa 1 dan Taman Pelangi Fasa 2 (Adun Rawang) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu 1 tahun 2 Padang Cergas mengikut adun.

Pada tahun 2013, Jabatan juga mendapatkan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang menglibatkan 3 projek iaitu Cadangan Kerja-kerja Lanskap Bagi Pembangunan Kemudahan Pelancongan Gua Damai, Wira Damai, Selangor dan kos sebanyak RM50,000, Cadangan Kerja-kerja Lanskap Bagi Pembangunan Kemudahan

Pelancongan di Pekan Batu Arang, Rawang, Selangor dengan kos sebanyak RM 100,000 dan Cadangan Kerja-kerja Lanskap Bagi Pembangunan Kemudahan Pelancongan Tasik Biru Kundang, Selayang, selangor dengan kos sebanyak RM100,000.







Unit Pesuruhjaya Bangunan

UNIT **PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)**

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu daftar profil kawasan pemajuan, penubuhan JMB/ panggilan JMB/ panggilan mesyuarat pertama JMB dan pendaftaran dan perakuan JMB. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) diketuai oleh En. Aminuddin Bin Hussein sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu seramai 12 orang kakitangan.

▼ FUNGSI

- Memastikan setiap PBT mempunyai pengkalan data yang lengkap mengenai pemajuan berstrata.
- Mewujudkan Inventori, menyenggara dan mengemaskini maklumat setiap kawasan pemajuan berstrata.
- Menyelaras perlaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Akta 663) dan Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata (Akta 318).
- Memastikan pemaju mengadakan mesyuarat pertama penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC).
- Memastikan Badan Pengurusan JMB / MC diijudkan disetiap kawasan pemajuan berstrata.
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil JMB.
- Menguruskan aduan berkenaan isu penyenggaraan dan pengurusan harta bersama.
- Membantu dan Memberi khidmat nasi-hat kepada Badan Pengurusan (pemaju / JMB / MC) berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama.
- Memberi taklimat / penerangan dan program kesedaran kefahaman berke-

naan Akta 663 / Akta 318 dan menghadiri mesyuarat agung tahunan JMB / MC.

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Mengeluarkan Sijil Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi pengesahan penubuhan badan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh permohonan.
- Mengeluarkan Notis Peringatan kepada pembeli pemilik yang gagal membayar caj berdasarkan kepada permohonan daripada pihak pengurusan dalam tempoh 7 hari bekerja.
- Mengambil maklumbalas dan tindakan aduan berkaitan Jabatan Pesuruhjaya Bagunan (COB) dalam tempoh 5 hari bekerja.

▼ AKTIVITI 2013

Jabatan Audit Dalam sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Majlis memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Laporan Audit yang dihasilkan adalah berdasarkan semakan dan pemerhatian fizikal serta soal-jawab bersama auditi dalam memberi pendapat dan syor yang bebas terhadap pelaksanaan program dan aktiviti serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang digunakan.

BIL.	PERKARA	KUANTITI
A	AKTIVITI TERAS UTAMA :	
1.0	<p>Merekodkan segala maklumat dan butiran kawasan skim pemajuan berstrata;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyelia inventori skim-skim pemajuan yang diluluskan dan tertakluk di bawah Akta 663 dan Akta 318. • Penyediaan Maklumat Harta Strata: <ul style="list-style-type: none"> - Flat Kos Rendah. - Apartment / Kondominium / Servis Apartment. - Shop Apartment / Kedai Apartment. - Shop Office / Kedai Pejabat. - Unit Pejabat Purpose Built Office(Strata). - Retail unit di Shopping Complex(strata). - Skim Strata Tanah / Lot-lot tanah strata. - Town House / Rumah Bandar . - Gated Community / Komuniti Berpagar. - Lain – lain pembangunan dibawah Strata. • Pengurusan dan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan badan pengurusan. 	269
2.0	Pematuhan dan Pendakwaan Di Bawah Akta 663 & Akta 318; Menguruskan pemantauan dan pematuhan Akta 663 & Akta 318 serta penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan dibawah Akta 663 dan Akta 318.	
2.01	<p>Seksyen 5 Akta 663 / Seksyen 41 Akta 318 :</p> <p>Kewajipan pemaju memanggil Mesyuarat Pertama Badan Pengurusan Bersama (JMB). Kewajipan pemilik asal untuk memanggil Mesyuarat Agung Perbadanan Pengurusan (MC) oleh pemilik</p>	12
2.02	<p>Seksyen 16 Akta 663 :</p> <p>Kewajipan pemaju membuka Akaun Penyenggaraan Bangunan sebelum Milikkan kosong (VP) diserahkan.</p>	12
2.03	<p>Seksyen 17 Akta 663 :</p> <p>Kewajipan pemaju mengaudit Akaun Penyenggaraan Bangunan sebelum diserahkan kepada Badan Pengurusan Bersama(JMB).</p>	12
2.04	<p>Seksyen 22 & 24 Akta 663 / Seksyen 45 & 46 Akta 318 :</p> <p>Kewajipan Badan Pengurusan membuka dan menyenggara Akaun Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan dan Kumpulan Wang Penjelas(Sinking Fund).</p> <p>Badan perlu mengemukakan akaun beraudit untuk semakan COB.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengeluaran notis kepada pemaju / JMB / MC. - Notis penghantaran laporan akaun beraudit. - Notis pembukaan akaun JMB / MC. - Notis pemantauan JMB / MC. - Lain – lain notis yang berkaitan. 	84
2.05	<p>Seksyen 31 Akta 663 :</p> <p>Memastikan bayaran cagaran “Defect Liability Period” untuk Harta Bersama, yang perlu didepositkan oleh pemaju bagi skim pemajuan, sebelum serahan Milikan Kosong (VP), yang baru diluluskan (syarat Cf / CFO / CCC)</p>	17
2.06	<p>Seksyen 33 Akta 663 / Seksyen 53A Akta 318 :</p> <p>Pengeluaran Notis Tunggakan dan Waran Penahanan Harta Alih kepada pembeli yang gagal membayar caj.</p>	3,392
2.07	<p>Seksyen 9 & 10 Akta 663 / Jadual Kedua(Sek.39) Akta 318 :</p> <p>Menyelaras dan memantau Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) badan (JMB/MC).</p>	67
3.0	<p>Pengurusan Mesyuarat Badan (JMB/MC);</p> <p>Menyelaras / mengadakan dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat khas berkaitan, bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penyenggaraan dan pengurusan sesuatu skim pemajuan, dan cadangan pelan tindakan penyelesaian.</p>	30
4.0	<p>Pengurusan Aduan;</p> <p>Menguruskan aduan-aduan dan masalah-masalah berkaitan dengan penubuhan JMB / MC, pertikaian berkenaan Akaun Penyenggaraan (BMA / BMF),dan lain -lain isu berkaitan.</p>	489





Bahagian Perolehan

BAHAGIAN PEROLEHAN

Bahagian Perolehan MPS bertanggungjawab mengendalikan 8 aktiviti utama iaitu menyemak penjualan dan menyediakan dokumen, menyediakan dokumen sebutharga/ tender, menguruskan penjualan dokumen sebutharga dan tender termasuk menyediakan notis iklan, menyediakan laporan penilaian sebutharga/ tender, menyemak dokumen kontrak, mesyuarat jawatankuasa sebutharga dan tender, mesyuarat jawatankuasa teknikal dan kewangan perunding, dan pelupusan aset. Bahagian Perolehan diketuai oleh En. Hafizan Bin Khamis sebagai Pketua bahagian dengan dibantu seramai 9 orang kakitangan.

▼ FUNGSI

- Menguruskan Pendaftaran Pemborong / Pembekal Diperingkat MPS Dan Sistem Laman Web Tender Selangor.
- Menyemak Sebutharga Bagi Bekalan, Perkhidmatan Dan Kerja Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Di MPS Melalui Lantikan Terus.
- Menyedia Dan Menguruskan Penjualan Dokumen Tender / Sebutharga.
- Urusetia Pembuka Peti Sebutharga / Tender.
- Menyediakan Laporan Penilaian Tender Dan Sebutharga.
- Menyediakan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan.
- Menguruskan Dokumen Pembayaran Kemajuan Bagi Projek Projek Di Bawah Peruntukan Kerajaan Negeri / Persekutuan.

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Menguruskan proses pendaftaran pemborong / pembekal dalam sistem pendaftaran secara serta-merta bagi yang memenuhi syarat.

- Menguruskan penjualan dokumen tender dan sebutharga di kaunter penjualan Bahagian Perolehan dan secara 'online' menerusi sistem Laman Web Tender Selangor. Tempoh penjualan dokumen bagi setiap sebutharga yang diiklankan adalah minimum 7 hari manakala bagi setiap dokumen tender 21 hari.
- Menyediakan laporan penilaian tender dalam tempoh 14 hari dari tarikh tender ditutup.
- Menyediakan laporan penilaian sebutharga dalam tempoh 14 hari dari tarikh sebutharga di tutup.
- Menyediakan dokumen kontrak bagi perolehan kerja dan perkhidmatan dalam tempoh 80 hari dari tarikh lantikan dibuat.

▼ AKTIVITI 2013

Pengurusan Perolehan Majlis Perbandaran Selayang diuruskan secara terbaik dan paling menguntungkan dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik serta saingan secara terbuka, adil dan saksama.

Majlis telah melaksanakan tender dan sebutharga secara terbuka untuk memberi peluang kepada semua kontraktor untuk

membuat tawaran bagi kerja-kerja yang dikehendaki oleh Majlis Perbandaran Selayang selain mewujudkan saingan secara sihat dan pemilihan ke atas kos yang menguntungkan Majlis.

Majlis juga memastikan kontraktor yang dilantik adalah kontraktor yang berkelayakan bagi memastikan pelaksanaan kerja dapat dibuat dengan sempurna.

PELAKSANAAN SEBUTHARGA DAN TENDER TERBUKA

BIL	PERKARA	2013
1	Bekalan	8
2	Perkhidmatan	34
3	Kerja	169
	JUMLAH	215



PELAKSANAAN SEBUTHARGA DAN TENDER MENGIKUT PECAHAN

BIL	PERKARA	2013
1	Tender	9
2	Sebutharga	206
	JUMLAH	215







Jabatan **Bangunan**

JABATAN **BANGUNAN**

Jabatan Bangunan MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu memastikan permohonan kelulusan pelan bangunan diproses mengikut peruntukan akta, undang-undang kecil bangunan dan garis panduan yang ditetapkan bagi mencapai piagam pelanggan yang menepati matlamat pembangunan Majlis Perbandaran Selayang, melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap bangunan dan ubahsuaian bangunan mengikut peruntukan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, menyelaras dan melaksanakan pelan rekabentuk senibina bangunan bagi projek-projek Majlis dan pemeliharaan tapak warisan serta pengindahan bandar. Jabatan Bangunan diketuai oleh Tn. Hj. Azam Bin Mohamad sebagai Pengarah Jabatan Bangunan dengan dibantu 41 orang kakitangan dibawah beliau.

▼ FUNGSI

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

- Menyemak dan memproses semua jenis permohonan pelan bangunan yang dikemukakan oleh Orang Utama Yang mengemukakan (PSP) dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang untuk kelulusan.
- Membuat pemeriksaan kepada bangunan-bangunan yang telah siap bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki
- Memproses Kelulusan Tambahan Kecil Bangunan Melalui Buku panduan.

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN BANGUNAN

- Membuat pemeriksaan dan siasatan terhadap aduan yang berkaitan dengan kesalahan bangunan.
- Mengambil tindakan kompaun dan notis kepada pemilik bangunan / pemaju yang melanggar peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
- Memproses permohonan seperti di tapak (As-Bulit) rumah kediaman yang telah diambil tindakan penguatkuasaan.

- Membuat lawatan tapak selepas penerimaan borang B bagi projek pembinaan yang berkaitan dengan CCC dan pematuhan syarat kelulusan bangunan.
- Proses tuntutan cagaran sisu bahan binaan.

BAHAGIAN PROJEK & REKA BENTUK

- Memproses pelan-pelan permohonan baru bagi Permit Telekomunikasi
- Memproses pelan-pelan permohonan pembaharuan bagi Permit Telekomunikasi
- Memproses pelan-pelan permohonan baru bagi Permit Tahunan
- Memproses pelan-pelan permohonan pembaharuan bagi Permit Tahunan

BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Merekod dan menyelaras penerimaan surat, memo dan lain-lain dokumen.
- Menyemak dan menyelaras SKEM kakitangan.

- Mengurus Cuti kakitangan
- Menyediakan Aggaran Belanjawan Tahunan Jabatan
- Menyediakan Sasaran Kerja Tahunan Jabatan
- Menyelaras mesyuarat dan fail-fail Jabatan

▼ PIAGAM PELANGGAN

- Memproses permohonan pelan bangunan baru melalui Unit Pusat Setempat (OSC) tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dalam tempoh 30 hari.
- Memproses permohonan Sijil Kelayakan Menduduki (SKM) tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan Borang E.
- Memproses permohonan pelan bangunan untuk tambahan rumah kediaman dan pelan setara (buku panduan) untuk kerja-kerja kecil rumah kediaman dengan syarat permohonan lengkap dalam tempoh 24 jam hari bekerja.
- Memberi maklumbalas aduan berkaitan bangunan dalam tempoh 1 hari bekerja.

▼ AKTIVITI 2013

PERMOHONAN SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI

Permohonan Sijil Kelayakan Menduduki masih ada walaupun permohonan semakin berkurangan disebabkan Proses Peralihan kepada Sijil Perakuan Pematuhan Siap(CCC) yang telah berkuatkuasa pada tahun 2007.

PERKARA	KUANTITI
Permohonan Buku Panduan	393 Permohonan

PERKARA	KUANTITI
SKM (Tetap)	12 Permohonan
SKM (Sementara)	3 Permohonan

JUMLAH PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

Bahagian Kawalan Bangunan Jabatan Bangunan menerima dan memproses permohonan pelan bangunan melalui:

- Kaunter Jabatan Bangunan
- Unit Pusat Setempat (OSC)

Permohonan akan dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya permohonan lengkap diterima dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan

PERKARA	KUANTITI
Permohonan Pelan Bangunan melalui Unit OSC (kategori Perumahan,Kiland Tambahan Kilang, Rumah Kedai,Tambahan Rumah Kedai,dan Pelbagai.)	220 Permohonan
Permohonan Pelan Bangunan dan Permit Sementara melalui Kaunter Jabatan Bangunan (Kategori : Rumah Sesebuah, Tambahan Rumah Kediaman, Buku Panduan, dan Permit Sementara.	302 Permohonan



PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN BANGUNAN

- Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan bangunan adalah mengikut peruntukan undang-undang sediada berdasarkan:
- Undang-undang Kecil Bangunan 1984 (UUKBS 1984)
- Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133)

OPERASI JABATAN

2013

- 5 Kali Operasi Roboh Jabatan Bangunan
- Operasi Kemaskini lesen
- Operasi bersepadu Jabatan Kesihatan
- Operasi bersepadu Jabatan Penguatkuasa
- Operasi bersepadu Jabatan Pelesenan

PERMOHONAN PERMIT TAHUNAN TELEKOMUNIKASI, PEMBAHARUAN PERMIT TAHUNAN DIATAS TANAH HAKMILIK DAN TANAH KERAJAAN / TOL.

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN
Permohonan Telekomunikasi	
1.1 Permohonan Baru	25 Fail
1.2 Permohonan Pembaharuan	278 Fail
Permohonan Premit Bangunan Sementara	
2.1 Permohonan Baru	34 Fail
2.2 Permohonan Pembaharuan	446 Fail

PENCAPAIAN PENYELESAIAN ADUAN

2013	Jumlah aduan yang diterima	581
	Aduan Selesai	543
	Pencapaian	93.46%





Unit **Urusetia**

Mathematics
Syllabus

UNIT URUSETIA

Unit Urusetia MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu mengendalikan mesyuarat, menjaga peruntukan Ahli Majlis, mengendalikan jadual mesyuarat MPS dan mengendalikan Program Memasyarakatkan Ekonomi Selangor (MES). Unit Urusetia diketuai oleh En. Joramiee bin Awang Raimee sebagai Ketua Unit dengan dibantu seramai 9 orang kakitangan.

▼ FUNGSI

- Mengendalikan mesyuarat-mesyuarat MPS
- Menguruskan Peruntukan Jawatankuasa Penduduk (JKP)

▼ PIAGAM PELANGGAN

1. Pengurusan Mesyuarat

- Mengedarkan minit mesyuarat tidak lewat daripada 7 hari selepas mesyuarat bersidang.

2. Bagi melicinkan urusan mesyuarat, edaran notis akan dibuat tidak kurang daripada 7 hari sebelum mesyuarat bersidang. Notis hendaklah menetapkan

- Tarikh dan masa mesyuarat
- Tempat mesyuarat dan perkara yang hendak dibincangkan (Agenda Mesyuarat)

3. Jadual Mesyuarat

- Menyediakan jadual mesyuarat bulanan secara berkala dan diedarkan 1 minggu sebelum awal bulan berikutnya.

4. Penyata Elaun

- Menyediakan Penyata Elaun Tetap dan Elaun Mesyuarat Ahli Majlis pada setiap 7 hari bulan setiap bulan.

▼ AKTIVITI 2013

PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

Program Merakyatkan Ekonomi Selangor telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mulai Mac 2008. Sehubungan dengan itu, Bahagian Urusetia telah diberikan mandat untuk mengedarkan borang-borang di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) mulai tahun 2011.

Antara borang-borang Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diedarkan oleh Bahagian Urusetia adalah seperti berikut:


- Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
- Skim Mesra Usia Emas
- Skim Mesra Usia Emas (SMUE)
- Hadiah Pengajian IPT
- Skim Mikro Kredit Miskin Bandar



BILANGAN MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL YANG BERSIDANG PADA 2012.


BIL.	TAJUK MESYUARAT	JUMLAH
1.	Mesyuarat Majlis MPS	12 kali
2.	Jawatankuasa Kecil Kewangan	10 kali
3.	Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan	10 kali
4.	Jawatankuasa Infrastruktur	12 kali
5.	Jawatankuasa Pengindahan Bandar	12 kali
6.	Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat	12 kali
7.	Jawatankuasa Kemasyarakatan	12 kali
8.	Jawatankuasa Penswastaan & Pelaburan (*cacatan : Bahagian Urusetia mengambil alih pengurusan minit mesyuarat ini daripada jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta mulai bulan Jun 2013)	7 kali







Kawasan
Pelancongan




TAMAN EKSTREM GUA DAMAI ▶

Taman Ekstrem Gua Damai terletak berhampiran dengan Batu Caves. Bagi penggemar 'rock climbing' Taman Ekstrem ini dijadikan sebagai tempat latihan dan aktiviti memanjat gunung. Kawasan sekitarnya dipelihara dengan baik dan terdapat kemudahan awam disediakan di sini antaranya lampu untuk memanjat di waktu malam, tempat letak kereta, tandas dan kawasan permainan kanak-kanak.

◀ GUA BATU CAVES

Kawasan ini terletak 13km dari Bandaraya Kuala Lumpur. Gua Batu Caves merupakan Gua Batu Kapur yang telah wujud lebih seratus tahun dahulu dimana didalamnya terbentuk stalakmait dan stalaktit yang begitu indah dengan ketinggian 100 meter.

Ia lebih popular di kalangan penganut agama Hindu yang mengadakan sambutan Perayaan Thaipusam di situ pada setiap tahun dimana hampir sejuta orang penganut agama Hindu akan datang ke Batu Caves. Untuk sampai ke puncak pintu gua Batu Caves, seseorang perlu mendaki sejumlah 272 anak tangga. Disamping itu, keindahan pemandangan dari puncak tangga dan keindahan kawasan dalam gua telah berjaya menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara.



HUTAN LIPUR BUKIT LAGONG ▼

Hutan Lipur Bukit Lagong merupakan salah satu kawasan eko-pelancongan yang terdapat di negeri Selangor. Terletak 15 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur, hutan lipur ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti wakaf, gerai buah, tandas, dua jambatan dan juga bilik persalinan. Pelaburan MPS sebanyak RM450,000 untuk membangunkan kawasan rekreasi Hutan Lipur Bukit Lagong ini diharap dapat memberikan keselesaan dan kemudahan terbaik seterusnya menarik lebih ramai pengunjung ke sini.



◀ TAMAN RIMBA TEMPLER

Taman Rimba Templer terletak di Hutan Simpan Kanching yang mempunyai jenis Hutan Dipterokarp Pamah. Hutan Lipur ini menyediakan beberapa kemudahan untuk keselesaan pengunjung melakukan aktiviti disini.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti kemudahan untuk mandi, berkelah, berkhemah, trekking dan jogging. Disini juga pengunjung boleh bersiar-siar sambil melihat keindahan landskap, flora dan fauna yang terdapat di kawasan ini.



MUZIUM ORANG ASLI ▼

Muzium Orang Asli terletak di Jalan Gombak kira-kira 20km dari Kuala Lumpur. Muzium ini mempamerkan koleksi artifak seperti sumpit buluh dan belanga yang berusia lebih dari 600 tahun selain penerangan mengenai Orang Asli.



INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM) ▼

Terletak di Kepong dengan keluasan 600 hektar, FRIM dikelilingi oleh Hutan Simpan Bukit Lagong. Pakej melawat hutan yang ditawarkan memberi peluang untuk aktiviti luar seperti rekreasi dan pendidikan umum. FRIM turut menjadi lokasi yang begitu popular kepada mereka yang gemar berkelah, berlari, berbasikal, di samping melancong serta mengkaji alam semula jadi.

Tidak ketinggalan, FRIM juga terkenal sebagai tempat untuk mengadakan hari keluarga, pertandingan mencari harta karun, berkhemah, meninjau burung, menjelajah hutan dan sesi fotografi. Tempat yang pada mulanya merupakan sebuah kawasan terbiar lama bekas perlombongan, yang kemudiannya bertukar menjadi kebun sayur, kini merupakan satu destinasi hutan yang bebas daripada pencemaran, dengan udara yang lebih sejuk dan nyaman.





◀EMPANGAN BATU

Empangan ini merupakan kawasan rekreasi yang popular di kalangan penduduk tempatan. Pada masa ini, kemudahan yang disediakan adalah gerai-gerai, tandas awam serta kemudahan fizikal seperti trek berjalan kaki dan jogging serta kawasan permainan kanak-kanak. Terdapat cadangan untuk memajukan penginapan berbentuk chalet dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain serta aktiviti sukan air tidak bermotor seperti berkayak.



TASIK BIRU KUNDANG ▲

Tasik ini merupakan kawasan bekas lombong yang agak popular di kalangan penduduk setempat terutama pada hujung minggu. Pada masa ini, kemudahan yang disediakan untuk para pelawat ialah gerai penjaja. Antaranya aktiviti yang dilakukan di tasik ini termasuklah berenang dan juga permainan jet ski yang semakin popular pada masa kini.



◀ HUTAN LIPUR SUNGAI TUA

Berhampiran Empangan Batu, Hutan Lipur Sg. Tua merupakan hutan simpan dan rekreasi yang mempunyai air terjun yang menarik.

HUTAN LIPUR KANCHING ►

Terletak kira-kira 3km dari Taman Rimba Templer, Hutan Lipur ini dilengkapi dengan laluan pejalan kaki sepanjang air terjun. Seperti Taman Rimba Templer, kawasan ini masih diliputi hutan tropika yang hijau. Di beberapa lokasi terdapat kedudukan yang sesuai untuk perkhemahan dan aktiviti berkelah selain menjadi tumpuan oarang ramai terutamanya di hujung minggu. Antara kemudahan yang disediakan ialah tandas awam, tempat persalinan, gerai untuk menjaja dan kawasan letak kereta.



TAMAN RIMBA KOMANWEL ▲

Taman Rimba Komanwel dilancarkan sempena dengan Persidangan Perhutanan Komanwel ke-14 pada tahun 1993. Taman rimba ini terkenal dengan keaslian pokok-pokok hutan dan keindahan landskapnya. Di samping itu terdapat juga kawasan berkhemah, monumen air pancut, 'trek jogging' dan lain-lain aktiviti yang memberi peluang kepada orang ramai dan pengunjung untuk menikmati alam semulajadi.

KOLAM AIR PANAS SELAYANG ▼

Kolam Air Panas Selayang atau Selayang Hot Spring terletak di utara Kuala Lumpur melalui Jalanraya utama Kuala Lumpur ke Rawang. Terdapat 3 kolam utama disini yang membekalkan air panas semulajadi dari bawah tanah. Khasiat air panas semulajadi yang terdapat di kolam ini dipercayai boleh dijadikan sebagai perubatan alternatif merawat pelbagai jenis penyakit apabila dilakukan secara teratur dan berterusan.



◀ BANDAR WARISAN BATU ARANG

Batu Arang dahulunya merupakan bandar perlombongan arang batu di Selangor, Malaysia sebelum Perang Dunia Kedua hingga tahun 1960-an. Di Bandar Warisan ini, pelawat boleh melihat tinggalan aktiviti perlombongan batu arang seperti terowong, serombong api dan sebagainya.







Aktiviti **Tahuinan**



**ANGKAT SUMPAH YANG
DIPERTUA MPS
4 JANUARI 2013**




**GOTONG ROYONG PERDANA
19 JANUARI 2013**



**SAMBUTAN MAU
24 JANUARI 2013**



**MESYUARAT MAJLIS
25 APRIL 2013**



**KAYUHAN BES
13 APRIL 2013**



**MESRA RAKYAT
12 APRIL 2013**



**BOLA SEPAK PIALA MB
23 MAC 2013**



**MAJLIS PERBARIS
PENGUATKUASA
18 MAC 2013**





BENGKEL KPI
8 MEI 2013



KURSUS JENAZAH
18 MEI 2013



MAJLIS DIALOG
19 MEI 2013



KUNDANG INVITATIONAL JETSPORT
31 OGOS - 01 SEPTEMBER 2013



MAJLIS BERUKA PUASA
BERSAMA DYMM S
28 FEBRUARI 2013



LAWATAN DARI BOUSHAN
MUNICIPAL COUNCIL
11 FEBRUARI 2012



PROGRAM BUBUR LAMBUK
22 JULAI 2013



OPERASI PENGU...
9 JULAI 2013





AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO
12 SEPTEMBER 2013



GP MEMANCING SELANGOR
15 SEPTEMBER 2013



KURSUS PESARA
24 SEPTEMBER 2013



KEJOHANAN BOLING BERSAMA MEDIA
12 DISEMBER 2013



PENILAIAN ZON BERSIH
2 DISEMBER 2013



DEEPAVALI MPS
9 DISEMBER 2013



MAJLIS TAMAT LATIHAN
PENGUATKUASA
27 NOVEMBER



CERAMAH HARI I
21 NOVEMBER 2013



AN
013



KIK PERINGKAT SELANGOR
26 SEPTEMBER 2013



TEMUDUGA PENGUATKUASA
7 OKTOBER 2013



SELANGOR



TEAM BULDING KUMPULAN A
20 OKTOBER 2013



KURSUS WARDEN TRAFIK
28 OKTOBER 2013



NOVASI
13



PELANCARAN LOCAL AGENDA 21
12 NOVEMBER 2013



PROGRAM ANTI DENGKI
10 NOVEMBER 2013

KERATAN AKHBAR 2013


über

11

Page 1

out
gal

ives Local Agenda 21



Tujuan kompromi aspek kebersihan



Widely used in
the U.S. and
Europe, the
method has
been adopted
by many
countries
as a standard
for testing
cigarettes.
Other methods
are also used,
but they are
not as widely
used.



APS kunci tayar kendaraan
mobil habang kuku Intex

Jumpa bahan ik

The most altered habitats are the





Majlis Perbandaran Selayang



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
REGISTRATION NO: AR4821

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang

68100 Batu Caves,

Selangor Darul Ehsan

ISBN 977-2-2893-5500-3

00010

9772289355003